

Jilid I
Bil. 28



MALAYSIA

Hari Jumaat
19hb November, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3505]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kedelapan)

Jadual:

Maksud B. 27 [Ruangan 3536]

Maksud B. 28 [Ruangan 3570]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kedelapan)

Maksud P. 27 [Ruangan 3536]

Maksud P. 28 [Ruangan 3570]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

” Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI
ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

” Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI
HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S.,
J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN
HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI
AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS
YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM,
D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM
(Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J.,
P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J.,
A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P.,
J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG
TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S.,
K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW
SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.
(Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI
ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE
E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J.
(Rengam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- Yang Berhormat TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRISBIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).

- Yang Berhormat **TUAN MOHAMED TAJOL ROSLIBIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.**
(Gerik).
- „ **DATOK HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.** (Nilam Puri).
- „ **TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD** (Pekan).
- „ **DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM** (Kuala Kedah).
- „ **TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI** (Setapak).
- „ **TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG** (Kota Belud).
- „ **TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB** (Hilir Padas).
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN² ABDULLAH, S.M.K.** (Bachok).
- „ **TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN** (Pontian).
- „ **TUAN MUTANG TAGAL** (Bukit Mas).
- „ **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD** (Sri Gading).
- „ **TUAN NG CHENG KUAI** (Lumut).
- „ **DATO' NGAH BIN A. RAHMAN** (Ledang).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.** (Pengkalan Chepa).
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P.** (Tuaran).
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P.** (Alor Setar).
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Mas Gading).
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM** (Kluang).
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI** (Serian).
- „ **TUAN HAJI SAIDIN BIN MAT PIAH** (Padang Rengas).
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM** (Bukit Mertajam).
- „ **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON** (Baling).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.** (Balik Pulau).
- „ **TUAN SIM KWANG YANG** (Bandar Kuching).
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.** (Padang Terap).
- „ **TUAN TAN KOON SWAN** (Damansara).
- „ **TUAN TAN KOK HOOI** (Padang Serai).
- „ **DR TAN SENG GIAW** (Kepong).
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD** (Jerantut).
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH** (Pasir Mas).

Yang Berhormat WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 19hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JENTERA PENYELENGGARAAN
JALAN-JALAN KAMPUNG

1. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah benar Kementerian telah membekalkan banyak jentera seperti traktor, jentolak, roller dan lain-lain lagi kepada semua Pejabat Daerah dalam Negara sudah beberapa tahun lalu. Jika ya, adakah Kementerian sedar jentera-jentera itu membazir, tidak boleh bergerak disebabkan Pejabat Daerah tidak diberikan peruntukan penyelenggaraannya, kalau sedar bagaimana caranya jentera-jentera tersebut boleh digunakan dengan efektif bagi kepentingan rakyat dalam kawasan pendalaman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, adalah benar bahawa Kerajaan Persekutuan telah membekalkan jentera-jentera yang tersebut kepada Kerajaan Negeri melalui Pejabat-pejabat Daerah untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan kampung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini telah dilancarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1978 sebelum Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diwujudkan semula. Sebenarnya program membekalkan jentera-jentera tersebut adalah sebagai pemberian secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri di mana peruntukan penyelenggaraannya adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk menyediakannya tiap-tiap tahun.

Tentang bagaimana hendak menggunakan jentera-jentera tersebut dengan cara lebih berkesan bagi kepentingan rakyat maka terpujanglah kepada Kerajaan Negeri semata-mata melalui Pegawai-pegawai Daerah untuk merancang dan mengenal pasti projek-projek yang berkaitan. Sekiranya jentera-jentera ini benar-benar digunakan dan diselenggarakan mengikut keupayaannya sudah tentu tidak akan berlaku pembaziran.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada jentera-jentera yang diberi atas pemberian secara langsung ini tidak digunakan dengan sepenuhnya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengambil apa-apa langkah atau tindakan untuk menghubungi Kerajaan Negeri bagi memastikan masalah pembaziran ataupun sikap tidak mahu menggunakan alat-alat ini diambil oleh Kementerian yang berkenaan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi, program ini ialah satu program yang dilancarkan oleh Jabatan Perdana Menteri sebelum Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diwujudkan semula dan pemberian ini adalah secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing. Pihak Kementerian tidak mahu mencampur tangan dalam hal ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sekiranya jentera-jentera yang sudah sedia ada di Pejabat-pejabat Daerah itu tidak digunakan oleh Pejabat Daerah, adakah Kementerian bercadang untuk membenarkan Jabatan-jabatan lain seperti LPP dan sebagainya untuk menggunakan jentera-jentera tersebut supaya tidak membazir terbengkalai begitu lama?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi ini terpulanglah semata-mata kepada budi bicara Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Ahmad Shah bin Dato' Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian beliau bercadang untuk menambahkan lagi jentera-jentera di masa-masa akan datang kepada tiap-tiap negeri di Malaysia.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian tidak bercadang hendak menambahkan lagi jentera-jentera mengikut program yang asalnya dilancarkan oleh Jabatan Perdana

Menteri. Bagaimanapun, buat sekarang ini Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah pun melancarkan program menaikkan taraf jalan-jalan kampung ke jalan tar.

HOSPITAL DAERAH—TINDAKAN MEMBAIKI PERKHIDMATAN

2. **Tuan Yeoh Poh San** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan dan kemudahan bagi Hospital Daerah supaya dapat memberi rawatan yang diperlukan oleh orang awam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan senantiasa mengambil tindakan yang perlu bagi meningkatkan, memperluaskan dan memperbaiki mutu perkhidmatan hospital-hospital daerah iaitu dengan menambahkan kakitangan, membekalkan alat-alatan moden dan menyediakan kemudahan-kemudahan kemaskini di mana perlu dan sesuai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga perkhidmatan kepakaran (specialist) tertentu seperti Perubatan Umum, Pembedahan, Perbidanan dan Sakitpuan adalah disediakan di 15 buah hospital daerah yang besar. Bagi hospital-hospital lain yang tidak mempunyai perkhidmatan kepakaran, liputan kepakaran dijalankan oleh pakar-pakar di hospital-hospital yang berdekatan, terutamanya bagi kes-kes rujukan yang memerlukan rawatan segera. Di samping itu, peraturan dibuat bagi membolehkan pakar-pakar itu membuat lawatan yang kerap ke hospital-hospital daerah ini dengan mengadakan klinik di hospital-hospital itu.

Kementerian Kesihatan senantiasa meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan di

hospital Kerajaan, sejajar dengan kemajuan dalam teknologi perubatan. Selain dari itu, perubahan-perubahan sedang dilakukan kepada hospital-hospital daerah dengan pembinaan lebih banyak lagi bilik bedah, wad-wad serta memperluaskan perkhidmatan bersalin, radiologi, makmal dan perkhidmatan tabung darah.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menerangkan bahawa hanya 15 buah sahaja Hospital Besar daerah-daerah yang dibekalkan dengan perkhidmatan doktor pakar.

Saya ingin bertanya berapa lama lagikah semua Hospital-hospital Daerah akan dibekalkan dengan doktor-doktor pakar sekurang-kurangnya perbidanan dan pembedahan yang kecil-kecil?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, dukacita saya tidak dapat memberitahu tentang jangka masa tentang kemajuan seperti itu. Tetapi Kementerian akan berusaha sejajar dengan adanya pakar-pakar seperti itu di kalangan kakitangan kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa Unit Kecemasan di dalam hospital-hospital adalah tidak memuaskan dan jika beliau sedar tentang hal ini, suka saya mendapat tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi tujuan untuk memperbaiki perkhidmatan yang dapat diberikan oleh Unit Kecemasan hospital-hospital.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, soalan itu mengenai Hospital Daerah?

Tuan Lee Lam Thye: Termasuk Hospital Besar juga.

Dato' K. Pathmanaban: Hospital Besar. Saya rasa itu adalah soalan lain.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Kesihatan akan mengadakan dan menempatkan kenderaan khas bagi membawa jenazah di kawasan-kawasan daerah yang pendalaman bagi menolong waris-waris yang miskin dan juga daif?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, kebanyakan Hospital-hospital Daerah mempunyai kereta mayat atau kereta jenazah yang dibekalkan oleh Majlis Agama di setiap negeri dan kereta-kereta itu dapat digunakan. Tetapi bekalan kereta-kereta mayat ini adalah satu yang terhad dan ada kalanya tidak dapat digunakan untuk menghantar mayat ke kawasan-kawasan yang pendalaman. Tetapi seboleh-bolehnya kita berusaha dengan kereta mayat yang ada.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sama ada Kementerian Kesihatan akan mewujudkan satu pasukan khas untuk mengadakan lawatan-lawatan mengejut ke Hospital-hospital Daerah yang mana perkhidmatan adalah kurang memuaskan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, memang lawatan-lawatan khas menjadi satu daripada aspek pengawalan dan pengawasan yang dilakukan oleh Kementerian. Tetapi dukacitanya tidak dapat mewujudkan satu pasukan khas untuk berbuat demikian, kerana di hospital-hospital ini mempunyai beberapa aspek dan jika kita hendak wujudkan satu pasukan mesti terdiri daripada pegawai-pegawai yang banyak juga. Itu, saya rasa, akan membazirkan tenaga kita. Walau bagaimanapun, saya boleh memberi jaminan bahawa kita akan senantiasa memberi pengawasan yang cukup dan kita lebih-

lebih lagi mengalu-alukan rayuan atau komplek dari Ahli Yang Berhormat mengenai hospital-hospital tertentu, kita akan siasat dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa Kementerian ini akan menyediakan beberapa kemudahan-kemudahan di Hospital Daerah di seluruh negara ini. Jadi, dari segi hospital-hospital Timbalan Menteri tidak menyebut bahawa termasuk juga surau yang sama dari segi lawatan-lawatan terutama kepada orang-orang Melayu yang beragama Islam selalu melawat saudara-mara mereka di hospital dari segi kemudahan tidak ada untuk beramal ibadat waktu tengah hari, petang atau malam. Jadi, adakah Kementerian Kesihatan ini bercadang supaya mendirikan surau-surau di hospital-hospital Daerah ataupun di Hospital-hospital Besar?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalan asal ini ialah mengenai rawatan perubatan sahaja.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tetapi, Tuan Yang Dipertua, ada kaitan juga dengan kemudahan-kemudahan perkhidmatan.

Timbalan Yang Dipertua: Kemudahan-kemudahan lain. Ini mengenai kemudahan rawatan perubatan.

SISTEM PEJABAT TERBUKA/ LARANGAN MEROKOK

3. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan bilakah sistem pejabat terbuka tanpa bilik-bilik dan larangan ke atas menghisap rokok akan dilaksanakan di pejabat-pejabat sebagaimana yang diumumkan baru-

baru ini dan setakat ini berapa buah Jabatan yang telah mematuhi pengumuman ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, Sistem Pelan Pejabat Terbuka dicuba dilaksanakan oleh beberapa buah agensi Kerajaan sebelum Kerajaan memutuskan bahawa ia adalah sesuai untuk digunakan secara meluas. Bilangan yang telah melaksanakannya secara penuh di bahagian-bahagian tertentu sahaja pada masa ini masih kecil iaitu termasuk 9 buah agensi Kerajaan dan kira-kira 8 buah badan-badan berkanun.

Walau bagaimanapun, arahan sewajarnya sudah dikeluarkan dan semua pejabat baru atau yang sedang disusun semula akan menggunakan Sistem Pelan Pejabat Terbuka itu. Sistem itu cuma memberikan bilik kepada pegawai-pegawai tertinggi sahaja manakala yang lain akan mendapat petak-petak mengikut pelan yang teratur dan selesa. Ini akan memudahkan pengawasan, membaiki perhubungan antara pegawai-pegawai dan kakitangan dan mempercepatkan perjalanan kerja.

Menyentuh mengenai menghisap rokok di pejabat-pejabat Kerajaan, Surat Pekeliling Am Bilangan 12/1982 bertarikh 17 Ogos, 1982 telah dikeluarkan. Arahan ini telah pun dipatuhi oleh semua Jabatan Kerajaan termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun. Pihak yang berkenaan telah pun memanjangkan pekeling ini kepada Jabatan di bawah pentadbiran mereka dan tindakan telah pun diambil seperti meletakkan notis larangan merokok di bilik-bilik mesyuarat, tempat-tempat menunggu di pejabat dan lain-lain tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan yang diberikan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Larangan menghisap rokok ini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri memikirkan pegawai-pegawai yang merokok ini dilarang akibatnya menjadikan tenaganya berkurangan seperti mereka pergi ke tandas menghisap rokok, tinggal tempat pejabat iaitu mejanya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, mengikut surat pekililing ini semua anggota Kerajaan diarah mematuhi arahan yang termasuk dalam surat Pekililing ini dan anggota-anggota Kerajaan pun telah diberitahu bahawa ada beberapa tempat yang tertentu di mana mereka boleh merokok selain daripada tandas seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dengan perkataan lain, anggota-anggota Kerajaan diarahkan tidak merokok di khalayak ramai.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan melarang menghisap rokok di tempat-tempat awam, sungguhpun tempat-tempat demikian adalah pejabat-pejabat Kerajaan, telah melucutkan hak-hak warga-negara individu? Bolehkah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengulas tentang perkara ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, saya tidak faham bagaimana hak-hak individu terjejas dalam konteks ini. Izinkan saya jelaskan bahawa pada masa ini masih belum ada larangan merokok di pejabat-pejabat Kerajaan secara undang-undang. Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan arahan kepada anggota-anggota Kerajaan supaya tidak merokok di tempat-tempat yang tertentu dan oleh kerana Kerajaan percaya atas konsep, dengan izin,

“Government by example” (Kerajaan melalui contoh), jadi anggota-anggota Kerajaan didesak memberi contoh baik kepada rakyat dan tidak merokok di khalayak ramai.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah arahan yang sama akan diberi kepada pihak pejabat-pejabat swasta supaya digalak mereka mengamalkan arahan tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Buat masa ini sekiranya orang ramai menghadiri pejabat-pejabat Kerajaan, jadi mereka terpaksa mengikut peraturan Kerajaan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah peraturan yang baru ini telah meningkatkan kecekapan kakitangan di dalam pejabat, iaitu peraturan melarang mereka merokok?

Dr Goh Cheng Teik: Mengikut feedback yang kita dapati tidak, sebaliknya ada menaikkan kecekapan pentadbiran Kerajaan.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa bilik-bilik tertentu hanya dikhaskan kepada pegawai-pegawai tertinggi sahaja. Saya ingin tahu apakah definisi pegawai-pegawai tertinggi dalam konteks ini?

Dr Goh Cheng Teik: Maksudnya, misalnya Ketua Jabatan.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang menarik balik arahan melarang menghisap rokok di pejabat-pejabat kalau didapati arahan ini mengakibatkan pegawai-pegawai yang berkenaan kurang prestasi kerana memandangkan setengah orang yang menghisap rokok itu susah kalau dilarang merokok apabila menjalankan kerja?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak akan menarik balik Surat Pekeliling itu kerana Kerajaan percaya bahawa semasa bertugas, misalnya di belakang kaunter-kaunter, bertugas, berkhidmat bagi orang ramai, anggota-anggota Kerajaan sekiranya tidak merokok, ini akan menaikkan prestasi Kerajaan.

THAIPUSAM—HARI CUTI AM

4. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kian banyak desakan-desakan telah dibuat oleh beberapa pertubuhan India di negara kita kepada Kerajaan agar Thaipusam diisytiharkan sebagai Hari Cuti Am dan kalau sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memenuhi permintaan mereka.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, bilangan hari cuti am setahun bagi seluruh negara pada masa ini sudah pun meningkat purata 17 hari. Oleh kerana itu buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah satu lagi hari cuti kepada jumlah bilangan hari cuti am yang ada sekarang ini.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana desakan-desakan daripada beberapa pertubuhan India, saya ingin bertanya daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah termasuk juga pertubuhan-pertubuhan India Muslim? Masalah permohonan minta cuti Hari Thaipusam ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, itu soalan lain.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan telah pun diberi cuti tahunan—cuti rehat, jadi

sepertimana kata Timbalan Menteri tadi cuti 17 hari ini adalah banyak. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengurangkan cuti-cuti seperti ini lagi?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, itu soalan lain. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

ADUAN MENGENAI BIL TELEFON

6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapakah sejak akhir-akhir ini bil-bil telefon telah menjadi sebegitu tinggi kadangkala sampai \$300 sebulan dan tidak berpadanan dengan kegunaannya dan sama ada beliau sedar bahawa keadaan ini sebaliknya telah mendatangkan kesulitan kepada para pengguna dan tidak memberikan mereka kemudahan perhubungan sebagaimana tujuannya yang sebenar, dan jika ya, nyatakan tindakan-tindakan yang diambil mengenai perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang Dipertua, saya memang sedar adanya perasaan tidak puas hati terhadap bayaran-bayaran panggilan bermeter yang dikenakan ke atas pelanggan pada setiap bulan. Keadaan ini menjadi lebih hangat lagi dengan adanya aduan-aduan demikian diperkatakan melalui akhbar tempatan serta mengkaitkan punca-punca kenaikan bayaran panggilan meter itu kepada perbuatan penyelewengan (rigging) oleh anggota-anggota Telekom sendiri.

Walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat, bahawa keadaan sebenarnya tidaklah seburuk sebagaimana yang diperkatakan. Jabatan Telekom menyedia dan mengeluarkan tidak kurang daripada 550,000 bil telefon pada setiap bulan. Daripada jumlah ini cuma di antara 1,600 hingga 1,800 pelanggan atau 0.3% sahaja yang telah membuat pengaduan tentang ketidakpuasan tuntutan panggilan bermeter yang dikenakan dan daripada jumlah ini pula didapati cuma 0.03% sahaja yang merupakan aduan berasas. Dalam keadaan demikian, pelanggan-pelanggan akan diberi penyelarasan kredit mengikut cara-cara yang telah ditetapkan.

Saya juga suka memberi jaminan di sini bahawa Jabatan Telekom akan menyiasat semua aduan-aduan mengenai bayaran bermeter. Penyiasatan yang dibuat biasanya mengambil masa oleh kerana tiap-tiap aduan itu terpaksa disiasat satu persatu. Siasatan itu termasuklah membuat pemeriksaan yang rapi ke atas semua peralatan pelanggan di ibusawat. Apabila penyiasatan menunjukkan bukti-bukti yang tepat sebagaimana yang diterima dalam aduan, barulah penyelarasan kredit dapat diberikan kepada pelanggan-pelanggan berkenaan. Di samping itu juga, Jabatan Telekom sentiasa mengambil beberapa langkah-langkah kawalan tertentu bagi mengelakkan daripada berlakunya kesilapan terhadap bil-bil Telekom pelanggan.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kerana kesilapan selalu berlaku, kenapa bil-bil itu tidak disemak dahulu oleh pegawai-pegawai Telekom sebelum diposkan?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi pihak Telekom mengeluarkan tidak kurang daripada 550,000 bil setiap bulan. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi Jabatan Telekom untuk

membuat siasat. Pada biasanya bil-bil yang dikeluarkan melalui komputer itu adalah tepat pada keseluruhannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa setiap aduan berkenaan dengan bil telefon, meter yang tinggi ada disiasat. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu apakah cara yang digunakan oleh Jabatan Telekom untuk menyiasat setiap aduan berkenaan dengan hal ini?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, langkah-langkah yang diambil itu termasuklah untuk menyemak meter dan untuk menjaga bilik meter supaya hanya orang yang berkuasa sahaja boleh memasuki bilik meter itu dan selain daripada itu sekiranya didapati ada kesalah-kesalahan yang lain, pihak Telekom akan menjalankan siasatan.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang kita tahu bahawa perkhidmatan kepada orang ramai melalui bil-bil itu termasuk juga bil elektrik, LLN, JKR (Air), Telefon dan lain-lain lagi, bahkan boleh dikatakan perkhidmatan kepada orang ramai seperti api elektrik dan bekalan air adalah lebih ramai mereka yang menerimanya dibandingkan perkhidmatan telefon, tetapi mengapa kita dengar dan kita lihat komplek-komplek hanya bil telefon sahaja. Kita jarang-jarang dengar komplek daripada bil elektrik dan bil air?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, itu adalah amat sulit bagi saya menentukan apakah sebabnya rakyat suka membuat aduan terhadap telefon sahaja. Seperti apa yang saya katakan tadi memang kita menerima aduan-aduan itu, tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang didapati ada berasas.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan apakah sebabnya Jabatan Telekom tidak senaraikan semua panggilan jarak jauh termasuk panggilan luar negeri di dalam bil-bil yang dikemukakan kepada pelanggan supaya semua pihak dapat menyemak panggilan yang telah dibuat itu?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, itu memanglah salah satu daripada cara untuk merakam dan merekodkan panggilan-panggilan yang telah dibuat oleh pihak pelanggan, tetapi mungkin ianya akan menggunakan mesin-mesin yang lebih sofistikated dan akan melibatkan lebih banyak perbelanjaan lagi untuk merakamkan dan memberikan maklumat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Buat sementara ini mengikut kemampuan Kerajaan, apa yang dibuat adalah dianggap baik pada keseluruhannya.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen berkenaan adakah beliau sedar bahawa kes-kes yang pelanggan buat pengaduan itu sebelum mendapat keputusan penyiasatan telefon kena potong. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyambung balik telefon yang kena potong itu dan apakah compensation akan dibayar?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, soalan itu tak bersangkut.

HOSPITAL BARU DAERAH MANJUNG

7. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kos pembinaan Hospital Daerah Manjung baru dan jadual persiapannya, serta berapakah jumlah katil yang akan disediakan dan nyatakan sama ada kemudahan-

kemudahan tersebut sanggup menampung keperluan pesakit tempatan, termasuk anggota-anggota TLDM Lumut.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, jumlah anggaran kos Hospital Daerah Baru Sri Manjung ialah \$16.3 juta. Pembinaan hospital daerah baru ini dijadual bermula pada pertengahan tahun 1984.

Hospital baru ini dicadangkan mengandungi 320 katil pada peringkat permulaannya yang mana boleh ditambah sehingga 500 katil pada maksimumnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital ini dirancang untuk menampung keperluan pesakit-pesakit tempatan, termasuk juga kakitangan-kakitangan awam TLDM di Lumut.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada projek itu akan dilaksanakan sebagai projek turnkey?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, perkara ini belum dapat diputuskan, tetapi adalah menjadi harapan kita. Berdasarkan pengalaman kita mengenai projek turnkey dalam tahun ini, mungkin projek ini juga boleh dapat dijalankan secara turnkey untuk menjimatkan masa pelaksanaannya.

DASAR PANDANG KE TIMUR— LANGKAH SUSULAN

8. **Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan konsep memandang ke Timur ini telah disokong oleh sebahagian besar rakyat di negara ini kerana ini adalah suatu konsep yang baik:

(a) selain daripada menghantar pelajar-pelajar kita ke Jepun atau Korea Selatan mengikut program jangka pendeknya

- adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem pendidikan yang ada sekarang ini sejajar dengan perubahan yang ada sekarang;
- (b) adakah kita akan menubuhkan Pusat-pusat Latihan Kemahiran di negeri ini dan menjemput para jurulatih dari negara-negara ini untuk melatih pekerja-pekerja kita; dan
- (c) adakah pensyarah-pensyarah kita di INTAN juga akan dihantar ke Jepun atau Korea bagi menerapkan Etika Bekerja kepada Pegawai-pegawai Pentadbir kita di seluruh negara.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, jawapannya:

- (a) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula sistem pendidikan yang ada sekarang. Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1974 untuk mengkaji semula pelaksanaan dasar sistem pendidikan Kebangsaan kita, dan perakuan-perakuannya sedang dalam beberapa proses pelaksanaan. Di samping itu, sejajar dengan konsep "Memandang ke Timur", beberapa perkara baru telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan kita. Misalnya, Bahasa Jepun akan diajar di sekolah-sekolah menengah sebagai bahasa ketiga. Kerajaan bercadang hendak memperoleh guru-guru Bahasa Jepun untuk mengajar bahasa tersebut kepada pelajar-pelajar di 6 buah sekolah berasrama penuh dan juga di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Institut Tadbiran Awam Negara, Institut Teknologi MARA, Institut Kemahiran MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Institut Latihan Perindustrian.

- (b) Buat masa ini 2 buah Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah ditubuhkan, satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Perai. Mengikut rancangan Kerajaan, 8 buah lagi institut seperti ini akan dibina sebelum akhir tahun 1986. Kerajaan tidak bercadang hendak menjemput jurulatih dari Jepun dan Korea Selatan, tetapi bercadang menghantar pelatih-pelatih kita ke negara-negara tersebut untuk mendapatkan kemahiran dalam berbagai bidang. Mereka ini akan kembali menjadi jurulatih kelak.

Kerajaan juga sedia memperoleh kemudahan-kemudahan latihan untuk warganegara kita menerusi projek-projek yang melibatkan usahasama dengan firma-firma negara tersebut seperti Projek-projek Universiti Teknologi Malaysia, Jambatan Pulau Pinang dan Daya Bumi.

- (c) INTAN telah pun mewujudkan perhubungan dengan beberapa institusi latihan/penyelidikan di negara-negara Jepun dan Korea Selatan. Penubuhan ini melibatkan pertukaran lawatan antara staff INTAN dengan staff institusi-institusi yang tersebut. Di antara bidang-bidang yang sedang giat dikaji ialah Etika Bekerja Rakyat Jepun dan Korea Selatan.

LAPANGAN TERBANG SIBU— LAMPU ISYARAT

9. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pengangkutan menyatakan bila dapat di pasang lampu isyarat di Lapangan Terbang Sibu kerana Y.B. Timbalan Menteri Dr Goh Cheng Teik telah berjanji akan memasang lampu isyarat ketika melawat Sibu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya telah pun mengambil tindakan bagi pemasangan lampu-lampu landasan bagi Lapangan Terbang Sibu untuk pendaratan waktu malam. Kerja-kerja pemasangan ini dijadualkan siap pada pertengahan tahun hadapan (1983).

INDUSTRI KECIL WILAYAH PERSEKUTUAN

10. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada apa-apa rancangan komprehensif untuk menempatkan semula perindustrian-perindustrian kecil dalam Wilayah Persekutuan serta mengeluarkan mereka lesen dengan segera bagi maksud yang sama.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, sebahagian besar industri-industri kecil di Wilayah Persekutuan ini adalah bercorak perkhidmatan untuk memenuhi keperluan tempatan iaitu seperti bengkel melebur logam, membaiki alat-alat kenderaan dan alat-alat elektrik. Industri-industri kecil yang terletak di kawasan-kawasan perindustrian sememangnya diberi lesen, manakala yang terletak di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai pelan 'lay-out' yang telah diluluskan ataupun di kawasan-kawasan perdagangan, diberi pula lesen sementara. Lesen-lesen tidak diluluskan sama sekali kepada pengusaha-pengusaha yang menjalani industri secara haram di kawasan-kawasan yang telah dizonkan untuk kegunaan tertentu seperti di kawasan perumahan dan di kawasan-kawasan yang dikhaskan untuk perniagaan.

Sememangnya kita mempunyai rancangan untuk menempatkan semula industri-industri kecil ke kawasan-kawasan perindustrian yang

lebih sesuai, sebagaimana dirancang dalam Pelan Induk Kuala Lumpur. Ini akan dilaksanakan sejajar dengan pembangunan pusat-pusat bandar yang telah dikelaskan dalam peringkat-peringkat tertentu, di mana kawasan-kawasan perindustrian akan dikenal pasti. Pengeluaran lesen perniagaan akan menyusul setelah tapak-tapak perindustrian itu ditentukan, selaras dengan aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan oleh jabatan-jabatan dalam Dewan Bandaraya sendiri, seperti Unit Perancangan dan Unit Pelesenan, dan lain-lain agensi Kerajaan seperti Pejabat Jentera, Kementerian Alam Sekitar, MARA dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Kuala Lumpur ini terdapat beberapa ribu pengusaha-pengusaha perusahaan kecil dan sebahagiannya yang menjalankan perusahaannya semenjak 15-20 tahun atau 10 tahun yang dahulu dan mereka seringkali menerima notis atau hendak membayar kompaun kepada Dewan Bandaraya, misalnya ada pada akhir-akhir ini mereka menerima notis bahawa mereka hendaklah pindah ke tempat yang lain, tetapi.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat apa soalnya?

Dr Tan Seng Giaw: jikalau tidak ada tempat hendak berpindah, bolehkah Dewan Bandaraya itu menghentikan memberi notis kompaun dan sebagainya buat sementara waktu?

Tuan Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, tindakan yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya adalah selaras dengan peruntukan undang-undang dan juga keperluan dari segi penguatkuasaan dan pelesenan. Oleh sebab itu sebagaimana yang disebutkan oleh

Ahli Yang Berhormat tadi bahawa terdapat kilang-kilang yang telah pun diberikan notis saman ataupun dikenakan kompaun, ini adalah langkah-langkah yang diambil selaras dengan peruntukan undang-undang itu dan tidaklah boleh kita memberhentikan walau sekejap pun langkah-langkah seperti itu kerana tidak ada tindakan-tindakan diambil, dan tidak adanya 'zoning' dibuat pada masa-masa yang lalu, maka berlakulah keadaan yang tidak tersusun ataupun yang tidak seimbang dari segi kedudukan perindustrian itu. Oleh sebab itu langkah-langkah dari segi penguatkuasaan itu perlu diambil, namun begitu saya ingin memberitahu bahawa selain daripada persediaan dibuat oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya dari segi menyediakan kemudahan tapak-tapak perindustrian, kita juga menggalakkan penyertaan daripada sektor swasta bagi membangunkan kawasan-kawasan industri kecil-kecilan. Demikian juga sekarang ini pihak Kementerian dan Dewan Bandaraya telah pun meluluskan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh pihak-pihak swasta bagi membina flet ataupun kilang-kilang bertingkat bagi mengatasi masalah kesesakan atau kekurangan kawasan-kawasan industri kecil.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kedapatan banyak rumah-rumah kediaman dan lot-lot kedai biasa telah dijadikan industri-industri kecil dan ini menyebabkan pencemaran alam dan menyusahkan penduduk-penduduk di sekitarnya, dan kegiatan mengadakan industri kecil ini mendapat pula sokongan-sokongan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu. Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua,

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, ini mengenai kawasan

Wilayah Persekutuan atau pada amnya?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Wilayah Persekutuan. Sebagai contoh industri kecil ini memerlukan tenaga elektrik yang lebih daripada biasa, jadi jika LLN atau Jabatan berkenaan tidak membekalkan ini, maka industri kecil ini tidak dapat dijalankan. Adakah Yang Berhormat bercadang supaya tindakan ini diselaras dengan Jabatan-jabatan yang membekalkan, yang membolehkan industri kecil ini dijalankan?

Tuan Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya memang bersetuju di atas pandangan Yang Berhormat tadi, sebenarnya kita menerima banyak aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan perumahan dan kawasan-kawasan yang tidak digezetkan untuk industri kerana kebisingan, pencemaran alam dan menyusahkan penduduk-penduduk tempatan. Tentang masalah kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, sama ada kita akan mengambil tindakan penyelarasan dengan agensi-agensinya yang lain, yang ada hubungannya dengan pihak industri kecil ini akan diberikan perhatian.

PERKHIDMATAN TELEFON— KEKURANGAN TALIAN

11. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Menteriannya sedar bahawa pembekalan talian telefon tidak sekali-kali dapat menampung permintaan perkhidmatan ini berikutan pembangunan negara yang pesat; jika benar, apakah langkah akan diambil untuk mempercepatkan lagi pembekalannya, supaya selaras dengan cogan kata Kerajaan "Bersih, Cekap dan Amanah".

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya telah menjawab soalan ini semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus pada 17hb November tahun ini dan oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

LAPANGAN TERBANG BARU SRI ISKANDAR

12. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada rancangan Kerajaan untuk membina sebuah lapangan terbang di bandar baru Sri Iskandar akan dilaksanakan, jika ya, bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang di bandar baru Sri Iskandar. Jika apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai lapangan terbang baru di Ipoh, saya telah pun memberi jawapan mengenai di Dewan yang mulia ini pada 16hb November yang lalu iaitu apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

PETROLEUM DI SARAWAK/ TERENGGANU—HASIL

13. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil yang dipungut dari syarikat-syarikat minyak di Miri, Sarawak dan Pantai Timur, Terengganu dalam tahun 1980 dan 1981 sama ada Kerajaan Pusat akan menimbang menguntukkan peraturan hasil yang lebih kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, jumlah hasil petroleum yang dipungut di Sarawak dan Terengganu dalam tahun 1980 dan 1981 adalah seperti berikut:

	Tahun 1980	Tahun 1981
Sarawak	\$1,027,077,439	\$1,337,176,305
Terengganu	\$1,052,087,320	\$1,561,238,467

Hasil tersebut terdiri daripada cukai pendapatan petroleum, cukai pendapatan, royalti/bayaran tunai, duti eksport ke atas minyak petroleum mentah, duti import dan cukai eksais ke atas barang-barang petroleum.

Semua hasil-hasil tersebut adalah hasil Kerajaan Persekutuan melainkan duti import dan cukai eksais ke atas barang-barang petroleum di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat hasil dari duti import dan cukai eksais di pungut di Sarawak dan Sabah adalah disertakan sepenuhnya kepada negeri-negeri tersebut selaras dengan peruntukan yang ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Bagi negeri Sarawak duti import dan cukai eksais ke atas barang-barang petroleum yang diserahkan pada tahun 1980 dan 1981 adalah seperti berikut:

Tahun 1980 ..	\$30,362,871
Tahun 1981 ..	\$28,875,101

Berhubung dengan menguntukkan peraturan hasil kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak Kerajaan tidak bercadang untuk menimbang peruntukan yang lebih daripada apa yang ada sekarang.

KEKURANGAN DOKTOR

14. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya dalam usaha mengatasi kekurangan doktor di negara ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, soalan-soalan yang seakan-akan sama telah pun dibangkitkan dalam Dewan yang Mulia ini pada 14-10-82 dan 5-11-82 dan jawapan telah pun diberikan terhadap soalan-soalan ini. Di samping itu, penjelasan lanjut jua diberikan tentang masalah kekurangan doktor dan langkah-langkah bagi mengatasinya dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada masa menggulung Perbahasan atas Titah Ucapan Diraja pada 21hb Oktober, 1982. Buat masa ini, saya tiada apa-apa kenyataan yang hendak ditambahkan kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan itu.

DASAR PANDANG KE TIMUR

15. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dasar Memandang ke Timur adalah satu pendekatan yang baru, dan sama ada beliau dapat menerangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan dasar ini akan mendapat kerjasama dua hala dengan negara-negara yang terlibat;
- (b) bentuk jaminan yang telah diberikan oleh negara-negara Korea Selatan dan Jepun ke arah memastikan dasar kita ini akan mencapai kejayaan dengan lebih cepat lagi;
- (c) bagaimanakah "Semangat Kerajinan Bekerja" dapat diserapkan kepada rakyat Malaysia melalui dasar ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua,

- (a) Langkah-langkah yang diambil untuk memastikan dasar ini mendapat kerjasama dua hala

dengan negara-negara yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Perundingan-perundingan dibuat di peringkat Menteri dengan bertukar-tukar lawatan antara Menteri-menteri Kerajaan kita dengan Menteri-menteri Korea Selatan dan Jepun.
- (ii) Di peringkat pegawai pula, rundingan-rundingan kerap kali dijalankan di antara pegawai-pegawai Kerajaan kita dengan pegawai-pegawai daripada Kementerian-kementerian kedua-dua buah negara Jepun dan Korea Selatan.

Di samping itu, pegawai-pegawai kita juga berunding dengan agensi-agensi di negeri Jepun seperti Association for Overseas Technical Scholarships, Japan Foundation dan Japanese International Cooperation Agency. Perundingan juga dibuat dengan Japanese Chamber of Commerce and Industry bagi mendapatkan tempat-tempat latihan perindustrian bagi pelatih-pelatih kita. Dalam pada itu, firma-firma dari Korea Selatan yang besar berunding dengan pegawai-pegawai Kerajaan kita untuk menentukan syarat-syarat penawaran tempat-tempat latihan bagi pelatih-pelatih kita.

- (b) Bentuk jaminan yang telah diberikan oleh kedua-dua buah negara itu adalah seperti berikut:
 - (i) Memberi tempat-tempat latihan perindustrian di dalam kilang;
 - (ii) Memberi latihan amali dalam bidang pengurusan di dalam firma-firma;
 - (iii) Memberi latihan akademik di dalam kolej-kolej teknik dan universiti;
 - (iv) Menghantar guru-guru untuk ditempatkan di institusi-institusi pengajian

- tinggi Malaysia untuk mengajar Bahasa Jepun dan Korea dan juga subjek-subjek akademik;
- (v) Bertukar-tukar tenaga pengajar di antara institusi latihan/penyelidikan Jepun dan Korea Selatan dengan institusi latihan/penyelidikan negara kita.
- (c) Di antara langkah-langkah yang diambil untuk menyerapkan semangat kerajinan bekerja di kalangan rakyat Malaysia adalah:
- (i) Mencontohi dan menganuti konsep pembangunan masyarakat "Saemaul Undong" di Korea Selatan. Walau bagaimanapun sebelum konsep itu dilaksanakan ianya perlulah terlebih dahulu diubahsuai supaya bersesuaian dengan Rukun Negara dan dapat dipadankan serta diserapkan ke dalam kebudayaan kita.
- (ii) Menggalakkan penubuhan projek usahasama di sektor awam dan swasta dalam sektor pembinaan dan industri berat supaya proses pemindahan dan penerapan teknologi yang tinggi dapat dipercepatkan serta meningkatkan daya pengeluaran tenaga pekerja kita melalui amalan dan etika kerja yang baik.
- (iii) Mendapatkan kerjasama yang rapat dari Kerajaan Jepun dan Korea Selatan di dalam rancangan latihan rakyat Malaysia.

Saya berasa yakin langkah-langkah dan cara-cara yang dinyatakan tadi akan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang untuk mempercepatkan

lagi perubahan-perubahan sikap dan penerapan semangat kerajinan bekerja sebagaimana telah berlaku di Korea Selatan dan Jepun demi untuk kemajuan, kemakmuran dan keselamatan kita.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan, adakah dengan pelaksanaan Perdana Menteri mengenai 'Dasar Memandang ke Timur' ini akan terus memberhentikan 'Dasar Memandang ke Barat'?

Dr Goh Cheng Teik: Tidak.

KEBUDAYAAN NASIONAL— TAKRIF

16. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan telah mentakrifkan apakah Kebudayaan Nasional Negara Malaysia dan jika benar apakah sikap Kerajaan akan bertindak terhadap Kebudayaan Nasional yang bukan bercorak Malaysia atau kebudayaan yang luar dari Malaysia.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang Dipertua, semalam saya telah berbincang sedikit sebanyak tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa Belanjawan 1983. Sebagaimana Yang Berhormat tahu Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah ditetapkan berasas kepada 3 prinsip utama, iaitu:

- (a) Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini;
- (b) unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan
- (c) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu.

Berasaskan ketiga-tiga prinsip utama, kita dapat menyatakan bahawa Kebudayaan Kebangsaan itu akan merupakan kebudayaan yang mengatasi kebudayaan-kebudayaan sukuan atau kaum yang merangkumkan ciri-ciri penting mengenai lambang-lambang dan institusi-institusi kebangsaan yang dapat menimbulkan emosi dan kepunyaan kita bersama. Kebudayaan yang kita cita-citakan itu di dalam proses evolusi pembentukannya akan merupakan kebudayaan rakyat yang mengandungi keseluruhan kompleks unsur-unsur budaya rakyat asal rantau ini dan cara-cara hidup bangsa Malaysia.

Sikap Kerajaan mengenai kebudayaan luar adalah sepertimana pada prinsip kedua bahawa mana-mana unsur yang sesuai dan wajar dari kebudayaan luar boleh diterima menjadi unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip demokrasi menyedari tentang hakikat dinamisma budaya, situasi penduduk berbilang kaum, masalah politik dan sebagainya. Penerimaan fakta-fakta yang tersebut tadi Malaysia perlu bersikap liberal terhadap warisan-warisan kebudayaan yang kaya seperti yang termaktub dalam Rukunegara yang menjadi prinsip kenegaraan kita. Dengan itu unsur-unsur kebudayaan lain seperti Cina, India, Arab, Barat, Jepun dan lain-lain yang sesuai dan wajar harus diberikan kesempatan dalam pengolahan Kebudayaan Kebangsaan.

Takrif sesuai di sini adalah bermaksud "pertinent" unsur-unsur asing yang hendak diterima itu mestilah yang benar-benar sesuai dan wajar dengan norma-norma hidup yang sedia wujud, khususnya yang melambangkan keperibadian bangsa Malaysia sendiri. Sebahagian besar pengaruh-pengaruh luar ini telah pun

dapat kita perhatikan dari simbol-simbol universalisma seperti dalam bentuk perhubungan, pengangkutan, media, elektronik dan sebagainya. Tegasnya, mana-mana unsur penting yang tidak menyeleweng dengan ciri-ciri rakyat asal rantau ini tidak bertentangan boleh digalakkan berkembang untuk menjadi unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan, terutamanya unsur-unsur yang boleh mendatangkan kebaikan dan mengukuhkan perpaduan negara dan untuk melembagakan norma-norma yang telah disesuaikan maka perlakuan-perlakuan di peringkat rasmi telah membantu untuk menyerapkan ke dalam budaya kita. Contohnya seperti 'Rumah Terbuka' pada hari perayaan telah diterima oleh semua kaum ataupun pemakaian songkok satu unsur budaya India telah mula diterima dalam acara rasmi seperti Tuan Yang Dipertua sendiri memakainya. Sekian, terima kasih.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Salah satu unsur yang akan diresapkan ke Kebudayaan Nasional iaitu kebudayaan lain yang sesuai. Soalan saya siapakah pihak yang menentukan sesuatu tradisi ataupun sesuatu kebudayaan yang diamalkan oleh sesuatu kaum yang tertentu? Adakah kaum yang tertentu itu mencadangkan supaya tradisi ataupun amalan itu adalah satu kebudayaan untuk kaum-kaum yang tertentu, iaitu dianggap sebagai kebudayaan lain yang sesuai untuk diresapkan kepada Kebudayaan Nasional ataupun ada pihak-pihak yang tertentu untuk menetapkan sesuatu kebudayaan yang sesuai tetapi tidak dianggap sesuai oleh kaum-kaum yang berkenaan.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, pada pokoknya ada dua cara penyerapan. Satu dengan cara penerimaan rakyat bersendirian, as a matter of course, iaitu penerimaan dengan kepercayaan kepada kebenaran satu-satu norma itu

dan asas kepercayaan dan kebenaran ini akan membentuk manusia menerimanya atau emosi menerimanya untuk dilembagakan sebagai norma hidupnya. Satu lagi ialah dengan cara ditekankan kepada sama ada peraturan ataupun misalnya perundangan dan kita telah perhatikan beberapa norma-norma yang berbentuk Malaysia telah diwujudkan menerusi peraturan ataupun legislation.

Baru-baru ini kita perhatikan bagaimana Undang-undang Keluarga telah menidakkan orang-orang bukan Islam tidak boleh lagi practice polygamous marriage sehingga banyak wanita-wanita bukan Islam kesal bahawa wanita Islam ada keistimewaan dalam ini dan telah membuktikan bahawa "norma" bagi wanita-wanita bukan Islam tidak boleh dimadukan sudah menjadi practice dan tidak lagi dipraktik sebagai cara hidup dan legislation yang menentukan pembentukan norma itu. Jadi kedua-dua ini mungkin berlaku dan social sanction merupakan satu force ataupun satu tekanan yang paling kuat untuk membentuk norma hidup ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, dari segi takrif ataupun "pertinent" dalam bahasa Inggeris sepertimana yang telah digunakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang apa yang patut dijadikan sebagai salah satu bahagian Kebudayaan Nasional, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada misalnya kebudayaan Cina iaitu Tarian Singa yang telah dianggap sebagai satu tradisi kaum Cina sama ada ini boleh dianggap sebagai salah satu bahagian Kebudayaan Malaysia memandangkan bahawa Tarian Singa adalah selaras dengan Perlembagaan dan selaras dengan Rukunegara.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Untuk menjadi sebahagian daripada Kebudayaan Nasional mesti

ada penerimaan oleh semua dan kalau satu-satu ciri kebudayaan itu diterima oleh semua, dia akan menjadi sebahagian daripada 'norm' ataupun kepercayaan itu dan selagi Tarian Singa belum lagi dapat diresap kepada kaum-kaum lain, saya yakin dia tidak akan menjadi sebahagian daripada Kebudayaan nasional.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 17 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

BANTUAN ENJIN UNTUK NELAYAN

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa bantuan enjin dan pukut untuk nelayan di kawasan Bachok telah tidak berjalan dengan sewajarnya di mana sebahagian besar dari mereka telah mendapat bantuan tersebut dan ada pula di kalangan yang telah mendapat surat menyatakan mereka akan mendapat bantuan enjin itu dan mereka diarah supaya membuat kulit bot, tetapi akhirnya mereka kecewa juga sekalipun kulit bot sudah siap. Jika sedar, adakah Kerajaan bersedia bertindak supaya segalanya dapat dibetulkan dan kejadian seumpama itu tidak berulang lagi.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Adalah menjadi dasar Jabatan Perikanan memberi enjin-enjin dalam kepada peserta-peserta unit baru yang berjaya apabila kulit bot mereka telah siap. Semua nelayan yang telah diluluskan untuk menerima bantuan di bawah skim subsidi nelayan akan dibekalkan dengan alat-alat yang dipohon.

**PEGUAM ANTARABANGSA
MENGUNJUNGI MALAYSIA—
KAWALAN**

17. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa ketika tujuh orang Peguam antarabangsa "Human Rights" mengunjungi Malaysia semua aturcara serta gerak langkah mereka diawasi dan dikawal rapi oleh Kerajaan. Sekiranya benar, sila jelaskan kenapa tindakan-tindakan itu diperlukan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Pertanyaan yang hampir sama maksudnya dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 15hb Oktober, 1982, 18hb November, 1982 dan juga di dalam ucapan menggulung saya pada 5hb Novembber, 1982.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

**LOTERI KEBAJIKAN
MASYARAKAT—
MENGHARAMKAN**

18. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menerangkan bila Kerajaan akan mengharamkan judi, Loteri Kebajikan Masyarakat, Empat dan Tiga Nombor Ekor, Toto, Lumba Kuda dan sebagainya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Pertanyaan ini telah pun dijawab dengan izin Tuan Yang Dipertua di Dewan yang mulia ini pada 4hb November, 1982 semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Matang.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1983**

**DAN
USUL**

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan, 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Kedelapan).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 27 (Jadual)—

Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Saya menjemput yang Berhormat dari Tenggaroh Yang Berhormat dari Tenggaroh ingin menyambung atau tidak?

4.05 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Ingin, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung ucapan saya semalam mengenai pembentukan Fakulti Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia di mana saya dapat tahu bahawa ura-ura untuk mendirikan Fakulti Pendidikan, Universiti Pertanian ini telah pun begitu lama dirancangan tetapi sehingga ke saat ini pembentukan Fakulti ataupun mendirikan satu bangunan khusus bagi Fakulti Pendidikan ini masih belum kelihatan lagi. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran supaya menitikberatkan pembinaan Fakulti

Pendidikan, Universiti Pertanian ini agar ianya dapat disegerakan.

Tuan Pengerusi, saya ingin kembali kepada Maksud Bekalan B. 27, Butiran 1100, Program (1) halaman 265, Gaji dan Upahan. Dalam hubungan ini ingin saya membicarakan mengenai peluang-peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran, pensyarah-pensyarah di maktab-maktab dan di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini yang mana saya dapati peluang-peluang kenaikan pangkat bagi mereka yang telah saya sebutkan itu buat masa ini adalah terlalu tertutup.

Mengikut Laporan Suruhanjaya Gaji Aziz, kenaikan pangkat bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran ini adalah berdasarkan kepada kelulusan akademik sebagai penekanan utamanya di samping beberapa faktor lain sebagai kriteria sampingan. Kalau diteliti keadaan sebenar di sekolah-sekolah terdapat berbagai-bagai jenis atau kategori guru. Contohnya, ada guru yang digolongkan di dalam Kategori D—D 1, D 2; guru-guru Kategori T—T 1, T 2, T 3; ada pula guru yang dikategorikan di dalam Kategori C—C 1, C 2 dan ada pula guru-guru yang dipanggil sebagai guru B 1, B 2. Guru-guru yang diperingkat-peringkatkan ini sering mempersoalkan tentang tanggungjawab ataupun peranan di dalam bilik darjah yang sama di antara mereka, penglibatan yang sama di dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan beban tugas yang sama di kalangan masyarakat guru tersebut yang mana faktor-faktor itu tadi boleh menimbulkan gejala-gejala yang tidak sihat di dalam profession perguruan. Guru-guru akan sering menghadapi konflik jiwa dan kehairahan menjalankan tugas dengan penuh keikhlasan, dedikasi dan penuh perasaan tanggungjawab akan menurun sehingga akhirnya guru-guru ini bertugas

semata-mata kerana periuk nasi dan tidak lagi bertugas untuk memberikan perkhidmatan ikhlas bagi membantu meninggikan mutu pencapaian pelajaran dan pembelajaran murid-murid seperti yang terkandung di dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang serius berhubung dengan masalah-masalah yang telah saya bangkitkan. Saya berpendapat sikap dan prestasi yang menurun di kalangan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran ini adalah disebabkan oleh terlalu tertutupnya peluang-peluang kenaikan pangkat kerana penekanan utama kenaikan pangkat pada masa ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor akademik.

Oleh itu, sukalah saya mencadangkan di sini supaya Kementerian pelajaran:

- (1) Mengkaji semula saranan dan amalan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang terkandung di dalam Laporan Gaji Aziz;
- (2) Membuka lebih banyak peluang-peluang kenaikan pangkat dengan cara—
 - (a) menaikkan taraf beberapa jawatan di dalam Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri dan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah;
 - (b) menaikkan taraf beberapa jawatan penting di sekolah-sekolah seperti guru-guru penolong kanan, guru-guru kerjaya, guru-guru disiplin, guru-guru perpustakaan dan Ketua-ketua Jabatan Pelajaran Akademik.
- (3) Sukalah juga saya mencadangkan di sini supaya Kementerian Pelajaran mempertimbangkan kenaikan pangkat dari sudut kategori

seseorang guru iaitu guru-guru di dalam kategori T, C dan B bolehlah diserapkan ke dalam kategori yang lebih tinggi. Penyerapan dari kategori yang rendah kepada kategori yang lebih tinggi ini bolehlah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- (a) Pengalaman guru itu mengajar;
- (b) sikap dedikasi dan tanggungjawab yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran dan sikap yang positif terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan;
- (c) Guru itu mahu terus maju di dalam bidang perguruan dengan memperlihatkan kecemerlangan-kecemerlangan yang tertentu di dalam perjawatan dan perkhidmatan;
- (d) keikhlasan menjalankan tugas untuk bersama-sama meninggikan mutu pencapaian pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik dan berkesan;
- (e) menghadiri dan lulus kursus-kursus dalam perkhidmatan dan kursus-kursus anjuran universiti.

Tuan Pengerusi, keadaan yang sama juga berlaku pada pensyarah-pensyarah di Maktab-maktab Perguruan dan juga Pensyarah-pensyarah di Institusi-institusi Pengajian Tinggi. Di sini suka saya mencontohkan satu fakulti pengajian. Satu fakulti pengajian diketuai oleh seorang Professor Madya di mana jawatannya bertaraf Tingkat Tertinggi F. Di bawah Professor Madya ini terdapat beberapa orang Ketua Jabatan dan mengikut bilangan Jabatan-jabatan yang diwujudkan di dalam satu-satu fakulti itu. Di bawah Ketua-ketua Jabatan inilah terletaknya pensyarah-

pensyarah dan para tutor. Taraf jawatan bagi pensyarah dan Ketua-ketua Jabatan ini ialah Kumpulan A Tingkatan Biasa. Oleh kerana mobility dan kenaikan pangkat atau taraf jawatan yang terlalu tertutup di kalangan Ketua-ketua Jabatan dan para pensyarah ini maka berlakulah apa yang dipanggil 'brain drain' dan 'frustrasi' di kalangan pensyarah-pensyarah tersebut

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Pengerusi, semalam saya bercakap cuma tiga minit.

Tuan Pengerusi: Dalam catatan di sini ada lima minit.

Tuan Khadri bin Sabran: untuk mencari peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik. Jika perkara ini tidak diambil perhatian oleh Kerajaan adalah tidak dapat dinafikan bahawa Institusi-institusi Pengajian Tinggi akan terus menerus menghadapi masalah kekurangan tenaga akademik dan Kerajaan akan terus mengamalkan dasar import tenaga akademik dari luar yang belum pasti boleh menyampaikan bahan akademik yang baik kepada penuntut-penuntut kita. Oleh hal yang demikian, suka saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya membuka lebih banyak peluang-peluang kenaikan pangkat bagi pensyarah-pensyarah ini dengan cara:

- (a) memperbanyakkan Professor-professor Madya;
- (b) menaikkan taraf Ketua-ketua Jabatan di tiap-tiap fakulti pengajian kepada jawatan yang tergolong di dalam tingkatan Tertinggi G atau sekurang-kurangnya Tingkatan Kanan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Maksud Bekalan 27,

Butiran 3300, halaman 280—Perabot dan Lengkapan. Tiga keadaan pembekalan kerusi meja tulis yang berlaku pada masa ini di sekolah-sekolah:

- (1) Kualiti kerusi meja itu rendah menyebabkan kerusi meja murid selalu rosak dan mudah patah;
- (2) kerusi meja tersebut tidak sesuai dengan saiz murid-murid sekolah;
- (3) pembekalan kerusi meja tersebut terlalu lambat kadangkala sekolah-sekolah baru telah siap lama kerusi dan meja masih belum dibekalkan lagi.

Ketiga perkara di atas menyulitkan pentadbiran sesebuah sekolah oleh kerana kerusi meja tulis murid ini merupakan alat penting dalam proses penyampaian pelajaran kepada murid-murid terutamanya pada waktu-waktu mereka menghadapi ujian dan peperiksaan maka adalah dicadangkan di sini supaya Kementerian Pelajaran menitikberatkan perkara-perkara yang dibangkitkan:

- (a) mengubah dasar atau sistem pembekalan kerusi-kerusi meja tulis yang ada pada masa ini kepada satu sistem yang baru di mana pembekalannya dapat dipercepatkan;
- (b) menggantikan kerusi meja tulis kayu yang rendah kualitinya kepada kerusi meja tulis yang lebih tahan seperti kerusi dan meja tulis besi yang beralaskan papan lapis tebal.
- (c) mereka bentuk kerusi dan meja tulis murid mengikut kesesuaian dan keselesaan seseorang murid.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.15 ptg.

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai): Tuan Pengerusi, saya bangun kerana ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Yang pertamanya ialah berkenaan dengan B. 27, Butiran 1100—Gaji dan Upahan di muka 265. Peruntukan Gaji dan Upahan bagi tahun 1983 telah bertambah hampir \$30 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1982. Dengan bertambahnya peruntukan bagi Gaji dan Upahan maka diharapkan kesemua kekosongan jawatan Guru Besar dapat diisikan pada atau sebelum 1hb Januari, 1983.

Sebenarnya jawatan kosong Guru Besar bukan jawatan baru. Semuanya sudah diambil kira ke dalam Anggaran Perbelanjaan tahunan. Maka nyatalah segala bekuan jawatan tidaklah terlibat dengan jawatan kosong Guru Besar. Saya mahukan kesemua jawatan kosong Guru Besar diisikan adalah oleh kerana kurikulum 3M yang akan dilancarkan mulai tahun depan itu mendapat jaminan dilaksanakan dengan licin dan sempurna.

Perkara kedua ialah berkenaan P. 27, Butiran 7 iaitu Latihan Guru di muka 283. Anggaran Perbelanjaan sebenar tahun 1981 sebanyak \$18.7 juta. Tahun 1982 sebanyak \$20.2 juta dan anggaran bagi tahun 1983 ialah \$23.4 juta. Dengan bertambahnya peruntukan bererti lebih banyak guru terlatih akan diterima masuk ke Maktab-maktab Perguruan. Ini selaras dengan bertambahnya nisbah di antara kelas dan guru dari 1:2 ke 1:5 serta pelaksanaan kurikulum 3M yang memerlukan lebih banyak guru di masa depan.

Di sini ingin saya mencadangkan, calon guru pelatih yang tidak berjaya pada tahun 1982 khasnya calon-calon simpanan haruslah diberi keutamaan dalam proses pengambilan bagi tahun

1983. Selain daripada itu guru-guru sementara yang memenuhi syarat-syarat latihan perguruan harus juga diberi keutamaan yang sewajarnya khasnya kepada guru-guru sementara yang sudah mengajar lebih daripada dua tahun itu.

Di sekolah menengah pula kini sudah mengalami kesulitan mendapat guru-guru yang boleh mengajar bahasa ibunda atau guru T.O.L. khasnya yang boleh mengajar di Tingkatan IV dan V. Maka saya mencadangkan Kementerian Pelajaran melatih juga sebahagian guru-guru T.O.L. supaya mereka berkecukupan dan boleh mengajar di sekolah menengah bagi tingkatan yang lebih tinggi.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan P. 27, Butiran (1) iaitu Pelajaran Rendah di muka 283. Anggaran perbelanjaan pelajaran rendah bagi tahun 1983 adalah berkurangan sebanyak \$73.6 juta. Sekiranya dibandingkan dengan tahun 1982 kekurangan satu bilangan yang begitu besar, saya bimbang pembangunan pelajaran rendah akan dipengaruhi. Pada masa ini masih banyak bangunan sekolah rendah digunakan untuk aliran pagi dan petang. Ada yang dikongsi oleh dua buah sekolah yang berasingan dan ada pula yang berkongsi dengan sekolah menengah. Perkongsian bangunan sekolah sudah timbul banyak masalah sekurang-kurangnya aktiviti-aktiviti co-curriculum tidak dapat dijalankan dengan sempurna lebih-lebih lagi pelaksanaan kurikulum 3M yang memerlukan bilik-bilik darjah yang lebih luas supaya dapat mempamerkan dan menyimpan alat-alat mengajar dan juga dapat mengubahsuaiannya dari masa ke semasa ketika penyampaian pelajaran.

Sekiranya bilik darjah itu digunakan oleh dua aliran yang berlainan mestilah menimbulkan bermacam-macam masalah. Saya berpendapat

Kementerian Pelajaran harus berusaha supaya menjadikan semua sekolah rendah satu aliran pagi sahaja. Hanya dengan inilah murid-murid boleh mendapat pelajaran yang lebih baik. Pentadbiran sekolah pula nescaya mengurangkan masalah-masalah.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya bilangan murid dalam bandar sudah banyak bertambah sehingga sekolah tidak dapat menerima kesemua budak-budak yang berdaftar. Sebab itu sebahagian terpaksa dihantar ke sekolah yang bukan pilihan ibu bapa. Keadaan seperti ini sudah tentu menimbulkan perasaan tidak puas hati. Maka dengan ini saya mencadangkan, (1) membina bangunan tambahan bagi sekolah-sekolah yang mempunyai kawasan luas; (2) membina sekolah baru di kawasan yang mempunyai ramai penduduk.

Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran tahun 1983, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.23 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, setiap tahun pelajar-pelajar Malaysia kita yang berkehendakkan peluang pelajaran tinggi mendapat berita yang tidak baik. Bulan lalu kita boleh dapat satu pengumuman bahawa universiti-universiti di Australia akan menghadkan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar seberang laut yang bermula tahun depan. Kuota sistem yang ada digunakan untuk menghadkan tempat-tempat untuk kursus perubatan di universiti-universiti Australia sekarang yang mana had itu akan dipanjangkan kepada lain-lain kursus.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, itu Butiran berapa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu Butiran berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Butiran 27, Kod 1100, Butiran kecil (6)—Pelajaran Tinggi.

Dengan satu dasar yang menghadkan recruitment pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan dan dengan masalah tempat-tempat di universiti-universiti seberang laut yang terhad dan kos-kos yang semakin naik saya rasa masalah ini satu masalah yang sangat besar, baik pun bagi pelajar-pelajar ataupun ibu bapa mereka. Dan sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan pada bulan Disember yang lalu bahawa Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menubuhkan satu universiti keenam tetapi daripada jawapan-jawapan yang diberi kepada Ahli-ahli daripada DAP dalam session ini daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Timbalan-timbalan mereka kita dapati bahawa Kementerian Pelajaran sangat half-hearted dalam perkara ini dan nampaknya tidak ada sense of urgency atau sense yang maha penting. Matlamat yang kita boleh nampak mengenai perkara ini, mengenai kemajuan untuk menubuhkan satu universiti keenam sangat minima. Ini menunjukkan bahawa kemajuan (progress) sangat minima. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak boleh menjawab satu soalan tambahan mengenai siapa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengkaji perkara ini selain daripada menjawab bahawa ada satu jawatankuasa perancangan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, bahawa telah ada 40,000 pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut dan kalau purata seorang pelajar akan belajar

\$1,000 satu bulan atau \$12,000 satu tahun, ini menunjukkan bahawa satu kerugian yang colossal foreign exchange yang mendekati \$500 juta dan kalau 40,000 pelajar Malaysia ini boleh dapat pelajaran mereka dalam negara kita dan belanja \$500 juta di negara kita atas pelajaran tinggi tentulah jumlah wang ini cukup untuk menampung belanja mengurus 5 buah lagi universiti. Untuk tahun depan belanja mengurus untuk kelima-lima universiti tempatan ialah:

Universiti Kebangsaan Malaysia		\$ 72.6 juta
Universiti Malaya	..	81.8 juta
Universiti Sains Malaysia		48.5 juta
Universiti Teknologi Malaysia		30.00 juta
Universiti Pertanian Malaysia		60.00 juta
JUMLAH ..		\$293.00 juta

dan belanja Pembangunan untuk kelima-lima universiti itu ialah \$221 juta. Ini menunjukkan bahawa dengan \$500 juta yang dibelanjakan oleh 40,000 pelajar-pelajar kita di luar negara kita, kita boleh finance 5 buah lagi universiti. Saya menyeru Kerajaan bukan sahaja menimbangkan untuk menubuhkan sebuah universiti lagi ialah universiti keenam tetapi untuk menimbang menubuh lima buah lagi universiti supaya foreign exchange boleh dijimatkan oleh 40,000 pelajar-pelajar kita supaya digunakan untuk fund lima buah lagi universiti-universiti di negara kita. Dan saya tahu bahawa cost capital untuk menubuhkan sebuah universiti bukan kecil tetapi ini satu pelaburan yang sangat bererti, sebenarnya satu investment dalam human capital, satu investment yang tidak ada lain investment yang lebih productive.

Tuan Pengerusi, di bulan Disember lalu pun Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada mengumumkan bahawa pihak Kementerian akan mengkaji

UUCA (University and University Colleges Act). Saya sendiri ada mengalu-alukan kajian ini tetapi sudah satu tahun yang kita tidak tahu apa sudah berlaku dan juga tidak nampak apa-apa pindaan dikemukakan untuk membatalkan peruntukan yang menghadkan kebebasan kegiatan mahasiswa-mahasiswa baik pun kakitangan-kakitangan universiti atau untuk memulihkan autonomi universiti supaya universiti-universiti boleh ada autonomi dan bukan semacam sekarang menjadi satu jabatan Kerajaan. Sebuah universiti patutlah menjadi pusat untuk membina character di mana bukan sahaja untuk belajar kemahiran atau untuk menyampaikan pengetahuan, mesti menjadi tempat untuk menggalakkan faculti berfikir dan mengkritik dan bukan untuk mengumpul data dan maklumat sahaja. Sebab itu saya menyeru pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran janganlah ambil masa yang banyak lagi untuk memperkenalkan pindaan kepada akta tersebut supaya semua sekatan-sekatan boleh dibatalkan.

Tuan Pengerusi, saya sekarang mahu sebut mengenai pelajaran rendah dan menengah yang ada dalam Butiran kecil (1). Dalam satu masa di mana sekarang ada banyak perbincangan mengenai memandang ke timur dan mencontohi Jepun khususnya kejayaan ekonomi, saya rasa sangat mustahak kita tahu apa yang patut kita contohi, dan apa yang kita patut contohi.

Dalam perkara ini saya rasa kita patut mengambil perhatian tentang satu kajian baharu-baharu ini telah dibuat oleh New York Stock Exchange untuk menentukan kenapa productivity dalam United States begitu kecil apabila dibandingkan dengan productivity di Jepun.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila tumpukan percakapan kepada

butir-butir. Itu adalah atas dasar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Itu tentang pelajaran tinggi. Satu kesimpulan ialah sebab productivity Jepun yang begitu tinggi oleh kerana sistem pelajarannya. Sistem pelajarannya high quality iaitu sistem pelajaran menengah dan rendah. Itulah sebab yang mustahak daripada lain-lain sebab, baik pun quality circle, teknik pengurusan dan lain-lain. Ini juga ada kajian antarabangsa menunjukkan bahawa mathematics dan science pencapaian purata pelajar-pelajar Jepun lebih tinggi daripada pelajar-pelajar lain negara. Di Jepun degree of variability mengenai average adalah sangat kecil bila dibandingkan dengan lain-lain negara yang menunjukkan bahawa pencapaian pelajaran sangat berleluasa dan saya rasa ini sangat mustahak untuk negara kita. Satu lagi kenyataan ialah pelajar-pelajar Jepun boleh mendapat lebih consistency untuk menghabiskan sekolah-sekolah menengah mereka sehingga 95% anak-anak atau murid-murid Jepun menghabiskan sekolah-sekolah tinggi apabila dibandingkan 74% di United States.

Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah kita baik sekolah rendah atau sekolah menengah patutlah bertujuan untuk mencapai satu high quality yang boleh dibandingkan dengan lain negara. Dalam satu kajian yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran selama 10 tahun iaitu daripada tahun 1979 kepada tahun 1980 yang meliputi 287 buah sekolah rendah dan 16,806 murid-murid di ketiga-tiga medium, baik kebangsaan Cina atau Tamil ada menunjukkan bahawa 48.3% murid-murid di sekolah-sekolah Cina baharulah dapat kemahiran Ilmu Hisab di samping 37% sahaja di sekolah-sekolah kebangsaan dan 30.6% sahaja di sekolah-sekolah Tamil dapat kemahiran Ilmu Hisab. Saya rasa ini satu masalah besar.

Kurikulum 3M pun tidak boleh mengatasi masalah ini khasnya apabila masalah-masalah besar mengenai pelaksanaan 3M, saiz kelas yang begitu besar dan tidak cukup guru-guru untuk mendapatkan satu ratio guru-guru dan pelajar-pelajar yang memuaskannya dan dengan masalah-masalah ini negara kita tidak boleh mencapai satu pencapaian yang tinggi untuk memberi asas yang kuat, baik dalam Ilmu Hisab atau Sains supaya kita boleh maju ke depan. Saya tidak tahu angka-angka yang ada mengenai berapa peratus anak-anak kita boleh menghabiskan sekolah sehingga sekolah menengah atasan, tetapi saya rasa tentulah sangat rendah apabila dibandingkan dengan Jepun ataupun United States. Saya harap bahawa satu rancangan boleh dikhaskan untuk meninggikan pencapaian anak-anak dan pelajar-pelajar kita dalam Ilmu Hisab dan juga Sains.

Tuan Pengerusi, dalam perkara pelajaran UTM yang ada dalam peruntukan ini, saya dapati bahawa projek pembinaan kampus UTM di Sekudai yang berharga \$500 juta sekarang sedang menghadapi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada masa 2 minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: kesulitan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu sebab mengapa pembinaan kampus UTM sudah menimbulkan satu masalah sehingga 200 orang pekerja diberhentikan sungguhpun ada pengumuman bahawa projek ini akan dijalankan oleh pelajar-pelajar bumiputera yang sudah tamat ilmu pembinaan dan akan menampung 6,000 pelajar.

Akhirnya, satu point lagi ialah bahawa baharu-baharu ini Kementerian Pelajaran ada mengeluarkan satu arahan bahawa majalah sekolah tidak boleh mengadakan ruangan iklan. Saya harap arahan itu boleh

ditarik balik oleh kerana itu adalah satu arahan yang tidak baik oleh kerana majalah sekolah sangat mustahak untuk menggalakkan creative critical faculties, kalau tidak saya rasa ini satu langkah kebelakangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit Buntar.

4.37 ptg.

Tuan Abdul Raman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan kepada Kementerian Pelajaran. Pelajaran adalah merupakan satu pelaburan kepada kemajuan sesebuah negara dan bangsa. Maka sudah sepatutnyalah Kerajaan terus memberi penuh perhatian kepada Kementerian ini. Tuan Pengerusi, ini jelas dari segi peruntukan Pembangunan walaupun dalam keadaan kemelesetan dunia tetapi Kerajaan terus menambah peruntukan Pembangunan Kementerian Pelajaran iaitu dari \$842,654,040 kepada \$869,896,000.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud Bekalan 27, Butiran 1100, Program 4 (b), muka 265 iaitu Penuntut Seberang Laut. Saya ingin membangkitkan sedikit mengenai perkara ini. Oleh kerana pelajaran adalah merupakan satu proses mematang dan melatih kebangkitan pemikiran seseorang, atau dengan lain perkataan, sebagai jambatan proses sosialisasi ke arah peningkatan kebaikan seseorang. Penuntut-penuntut kita yang dihantar ke seberang laut kebanyakannya berumur antara 17 atau 18 tahun sahaja. Ada di antara mereka baharu sahaja mengenali kehidupan baik dan baharu juga menerima sedikit-sedikit peringkat permulaan asas keagamaan yakni mereka baharu sahaja di peringkat permulaan menerima asas-asas agama Islam khasnya.

Dengan menghantar mereka ke seberang laut seperti melepaskan

burung dari sangkar maka terbanglah mereka tanpa arah. Maksud saya, Tuan Pengerusi, Kerajaan hendaklah menghantar penuntut-penuntut kita ke seberang laut, terutama seperti ke Amerika dan Kanada, ke universiti-universiti yang membolehkan Kerajaan mengawal dan menunjuk arah haluan mereka. Dalam hal ini sepatutnyalah Kerajaan membina asrama-asrama atau menyewa asrama-asrama dan menempatkan penuntut-penuntut ini di satu tempat agar sesama sendiri dapat mengawal sahabat-sahabat mereka. Di samping itu, saya syorkan juga supaya Kerajaan kalau boleh menghantar guru-guru agama untuk terus mengajar selok-belok agama Islam kepada mereka dan kalau Kerajaan sukar menghantar guru agama daripada Malaysia sendiri, maka Kerajaan patutlah berikhtiar mendapatkan guru agama Islam tempatan kemudian mengumpul dan mengajar agama kepada penuntut-penuntut kita di seberang laut itu.

Tuan Pengerusi, Butiran (Projek) 7, P. 27, muka surat 283, Latihan Guru.

Dalam hal ini, memanglah saya bersetuju dengan program Latihan Guru ini hendaklah seseorang pelatih itu memiliki sekurang-kurangnya kelayakan minima. Saya membangkitkan perkara ini ialah untuk mengikis perasaan keciwa ramai guru-guru sementara. Untuk mengelakkan perasaan ini Kementerian hendaklah mengeluarkan arahan yang tertentu kepada guru-guru besar atau pihak-pihak yang mengambil guru sementara supaya tidak mengambil guru sementara yang tidak mempunyai kelayakan minima. Dengan tindakan demikian, kesulitan dan rasa tidak puas hati guru-guru sementara yang tidak mempunyai kelayakan minima tidak akan berbangkit lagi. Di samping itu, Kementerian mestilah mengadakan kursus-kursus asas atau istimewa kepada guru-guru sementara

yang mempunyai prestasi yang telah mengajar lebih dari dua tahun untuk menyerap mereka sebagai guru terlatih. Kalau ada di antara guru sementara yang mempunyai kelayakan minima itu yang tidak baik ataupun tidak bagus ataupun rendah prestasi mereka, maka pihak yang berkenaan hendaklah memberhentikan mereka sahaja setakat satu tahun. Kalau guru-guru seperti ini tidak cekap masih terus mengajar maka kesalahan ini bukanlah kesalahan mereka, Tuan Pengerusi, tetapi kesalahan ini hendaklah diletakkan kepada pentadbiran pelajaran sendiri kerana tidak memberhentikan mereka dalam tempoh satu tahun.

Tuan Pengerusi, P. 27, Butiran (9) (Projek) iaitu berkenaan dengan asrama.

Mengenai perkara ini, saya berharap Kementerian hendaklah membina lebih banyak lagi asrama-asrama bagi sekolah-sekolah menengah di luar bandar. Bagi penuntut-penuntut luar bandar, asrama menjadi lebih penting kerana penuntut-penuntut dapat kesempatan menikmati kemudahan-kemudahan dari segi pelajaran, mereka dapat berbincang, mereka dapat menggunakan masa untuk kajian dan bermentelaaah pelajaran. Di asrama hampir keseluruhan sistem belajar berjalan dengan teratur. Dengan yang demikian, penuntut-penuntut luar bandar boleh bersaing dengan penuntut bandar. Cara ini telah terbukti di kawasan saya sendiri. Percubaan telah dibuat dan kejayaannya sungguh mengalakkan. Oleh itu, sistem asrama patutlah dikembangkan lagi di luar bandar. Kalau Kerajaan tidak mampu mendirikan asrama, maka Kerajaan hendaklah menyewakan bangunan-bangunan tertentu sebagai langkah sementara.

Dalam perkara ini juga, saya rasa sebagai langkah berjimat-cermat bagi sekolah-sekolah berasrama penuh,

Kementerian hendaklah mengawal perkara-perkara tertentu supaya tidak berlaku pembaziran. Antaranya saya ingin tahu dari Kementerian, mengapakah selepas penuntut-penuntut SRP apabila tamat peperiksaan mereka, mereka diperlukan duduk di asrama lagi beberapa bulan sehingga sampai cuti persekolahan, pada hal jika mereka dibenarkan balik ke kampung, Kerajaan akan dapat menjimatkan beratus-ratus ribu ringgit dari segi makanan, penyelenggaraan dan juga yang lain-lain lagi. Mungkin Kementerian akan memberi alasan mereka perlu belajar lagi. Tetapi apa yang saya difahamkan dan saya perhatikan penuntut-penuntut ini tidak lagi diajar apa-apa pun, cuma mereka pergi ke kelas, mereka berborak-borak sesama sendiri, membuang masa sahaja. Kementerian harus melihat di bidang ini dengan seserius-seriusnya. Kalau tidak, langkah-langkah selepas ini hendaklah diambil seperti mengadakan kursus-kursus yang menasabah ataupun kursus-kursus intensif, seperti kursus-kursus agama dan sebagainya supaya penuntut-penuntut selepas menduduki peperiksaan SRP mereka tidaklah membuang masa begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, Butiran 4100, Program (3) (v) iaitu Bayaran Pindahan kepada Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat. Oleh kerana penduduk semakin meningkat dan minat ke arah pendidikan keIslaman semakin meningkat dan dasar Kerajaan kita sendiri untuk menyenapkan unsur-unsur ke Islam dalam kehidupan rakyat Malaysia, saya berseru supaya Kementerian menambahkan lagi peruntukan kepada perkara butiran ini di tahun-tahun yang akan datang. Saya rasa tidaklah begitu bijak jika kita mengurangkan peruntukan butiran ini seperti yang berlaku pada tahun ini iaitu dari \$4.5 juta kepada \$3.6 juta sahaja. Saya harap Kerajaan akan

menambah dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, akhirnya sepertimana yang saya ketahui rundingan-rundingan di antara Kementerian Pelajaran dengan Kerajaan Negeri untuk mendirikan sekurang-kurangnya satu Sekolah Menengah Agama Islam di bawah Kementerian Pelajaran di tiap-tiap negeri sudah begitu lama. Saya berharap sangat supaya perkara ini akan dapat menjadi kenyataan dengan secepat mungkin. Bagi negeri Perak oleh kerana terdapat banyak Sekolah-sekolah Agama Rakyat di kawasan saya, saya berharaplah supaya Kementerian Pelajaran menggunakan jasa baiknya dapat meminta kerjasama Kerajaan Negeri supaya mendirikan Sekolah Menengah Agama Islam itu di kawasan saya atau sekurang-kurangnya di Daerah Kerian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh.

4.45 ptg.

Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai peruntukan Maksud Pembangunan P. 27 muka surat 284 di bawah Butiran II bertajuk Pemberian Modal kepada Sekolah-sekolah yang menerima bantuan penuh (bukan milik Kerajaan).

Jumlah wang di bawah tajuk ini hanya \$5.5 juta bagi tahun 1983. Ini mungkin nampak banyak pada sekali pandang, tetapi jika dipandang berhubung dengan jumlah sebanyak \$869,896,000 yang diperuntukkan untuk pembangunan bagi tahun 1983, jumlah tersebut sebanyak \$5.5 juta kecil belaka. Ianya kurang daripada 1% daripada peruntukan pembangunan seluruhnya.

Tuan Pengerusi, banyak daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah sekolah bantuan penuh, tetapi apabila sampai kepada perkara

pembangunan semula atau pembinaan semula sekolah-sekolah seumpama itu, peruntukan yang didapati bergantung daripada pihak Kerajaan hanyalah pada pemberian modal ini sahaja. Pihak saya ada banyak menerima maklum balas daripada Lembaga Pengarah Sekolah-sekolah Cina ini, iaitu pemberian modal yang diberikan kepada sekolah-sekolah begini tidak mencukupi. Keadaannya begitu teruk sehingga banyak SRJK (Cina) kesesakan kerana kekurangan bilik-bilik darjah atau dalam keadaan begitu buruk sampai keselamatan murid-muridnya pun terancam kerana kurang baiknya struktur bangunan tersebut. Saya meminta pihak Kementerian supaya mengambil perhatian sebelum satu kemalangan berlaku di satu daripada sekolah-sekolah itu.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian selalunya telah mengambil pendirian iaitu pemberian modal tidak dapat ditambah kepada Sekolah-sekolah Cina begini kerana tanahnya bukan milik Kerajaan. Oleh itu, alasannya ialah pihak Kerajaan tidak mampu membelanjakan wang di atas tanah-tanah orang lain. Dengan sekali pandang alasan ini logik nampaknya, tetapi jika alasan begini dianalisis secara mendalam, tidak akan mengambil masa lama untuk memper-tikaikan kebetulannya. Untuk membuktikan perkara ini saya rujuk Kementerian kepada banyak usahasama yang mana pihak Kerajaan atau agensi-agensinya pada penyertaan untuk tujuan membawa faedah kepada rakyat. Umpamanya agensi-agensi atau badan-badan Kerajaan seperti PREMBA, PKNS, MARA dan seumpamanya telah merintis jalan dengan usahasama-usahasama begini dengan sektor swasta.

Dalam kes-kes yang berkenaan pihaknya telah memajukan tanah milik perseorangan atau badan-badan swasta demi faedah rakyat di samping

faedah pihak Kerajaan. Pihak Kementerian sepatutnya meminta diri kenapa badan-badan Kerajaan begini berani mendirikan bangunan di atas tanah-tanah milik orang lain. Ini boleh dijawab dengan mudah kerana ia dilindungi oleh perjanjian yang diikat dengan pemilik-pemilik tanah. Dengan jelasnya perjanjian begini di samping mengambil kira kepentingan pemilik tanah juga melindungi kepentingan badan-badan Kerajaan termasuk tempoh pihak Kerajaan ingin menggunakan tanah tersebut atau lama penggunaan begini dibenarkan berkekalan.

Tuan Pengerusi, maka soalnya ialah sama ada pihak Kementerian mempunyai kemahuan atau azam untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah yang menerima pemberian modal itu. Saya yakin banyak Lembaga Pengarah Sekolah bersedia mengikat perjanjian dengan Kementerian untuk memajukan tanah-tanah itu bagi dijadikan bangunan-bangunan sekolah yang moden di mana tanah seperti itu bukan milik Kerajaan demi faedah rakyat.

Saya tidak tahu sama ada pihak Kerajaan mempunyai hak untuk mengikat perjanjian dengan pemilik-pemilik tanah di mana terdapat bangunan-bangunan sekolah. Walau bagaimanapun, ini hanya satu halangan yang kecil yang boleh diselesaikan. Seperti yang telah saya katakan terdahulu dari ini, jika pihak Kementerian mempunyai kemahuan dan azam, tentu sebuah agensi Kementerian boleh dibentuk dan diberikan kuasa undang-undang untuk melaksanakan aspek pembangunan ini.

Jika berlaku begini tidaklah payah bagi pihak Kementerian bersikap tidak boleh bertolak-ansur dan mesti berkeras berkehendakkan tanah-tanah yang sedia ada sekolahnya diserahkan kepada pihak Kerajaan lebih dahulu

sebelum pembangunan semula dijalankan. Amalan ini sama seperti memulas tangan pemilik-pemilik tanah untuk menyediakan satu perkhidmatan kepada rakyat yang mana pula adalah tanggungjawab Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya yakin pihak Kerajaan sedar bahawa dengan amalan mengadakan usaha-sama dengan pemilik tanah sekolah-sekolah yang sedia ada, pihak Kerajaan akan dapat menjimatkan banyak wang. Ini disebabkan tidak payah membeli tanah untuk pembinaan semua sekolah-sekolah pemberian modal begini kerana terdapat tanah-tanah yang mencukupi di mana terdirinya sekolah-sekolah yang akan diganti.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya harap pihak Kementerian boleh menambahkan peruntukan kepada Butiran II.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditempokkan selama 20 minit dan seterusnya diikuti oleh jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.54 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.13 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

5.13 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Pengerusi, saya sangat berterima kasih kepada soalan, teguran dan ulasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan Maksud B. 27 dan P. 27 mengenai Anggaran Perbekalan dan Anggaran Pembangunan 1983 Kementerian Pelajaran.

Dalam memberi jawapan kepada perkara-perkara yang disebutkan tadi ianya ada kaitan rapat dengan matlamat Kementerian Pelajaran bagi penghasilan identiti nasional dan perpaduan rakyat dan satu Sistem Pelajaran Kebangsaan yang berasaskan sukatan pelajaran yang sama isi kandungannya bagi melahirkan tenaga rakyat jangka pendek dan jangka panjang. Tegasnya individu yang dilahirkan dari sistem pelajaran negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menerima kesemua 173 Perakuan-perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran dan perkara-perkara tersebut sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

Di dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh hampir kesemua program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran yang mempunyai 8 program untuk membantu mencapai matlamat Kerajaan. Masyarakat Malaysia yang mendapat latihan dan didikan dan boleh menyertai dengan lebih berkesan dengan pembangunan negara. 8 program itu adalah seperti berikut:

- (a) Pelajaran rendah dan menengah;
- (b) Pelajaran teknik dan vokasional;
- (c) Kebajikan penuntut;

- (d) Perancangan, penyelidikan dan penilaian pelajaran;
- (e) Pelajaran tinggi;
- (f) Latihan guru;
- (g) Pengendalian peperiksaan; dan
- (h) Pentadbiran am.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Ulu Muda, Sungai Besi, Padang Serai dan Kota Melaka telah membangkitkan perkara yang ada kaitan dengan KBSR. Berhubung dengan ini saya suka menyatakan bahawa sudah banyak diperbahaskan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan KBSR ini, tetapi ingin saya nyatakan berhubung dengan peruntukan bagi pelaksanaan KBSR untuk tahun 1983 sebanyak \$36 juta telah diluluskan. Sebahagian daripadanya ialah bagi menampung perbelanjaan penyeliaan dan pengawasan.

Berhubung dengan masalah yang dihadapi di sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSR, memadailah ditegaskan bahawa segala masalah yang dikesan telah dapat diatasi dan segala persediaan telah dibuat untuk melaksanakan KBSR di seluruh negara mulai tahun 1983 seperti yang dirancangan. Kursus Orientasi KBSR sudah dan sedang diberi kepada guru-guru bagi memenuhi keperluan Kementerian. Sebanyak \$4 juta diluluskan pada tahun 1983 untuk tujuan ini.

Berhubung dengan tuntutan kos perjalanan guru-guru KBSR yang mengikut kursus orientasi yang tinggal di dalam lingkungan 15 batu dari pusat kursus, dimaklumkan bahawa mereka dibayar elaun mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/76. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, surat pekeling ini sedang dikaji semula oleh pihak Perbendaharaan yang akan mengeluarkan pekeling baru untuk menggantikan pekeling Perbendaharaan 9/76 itu.

Berhubung dengan persoalan tentang bangunan-bangunan sekolah yang tidak diubahsuai selaras dengan keperluan KBSR, adalah sukar bagi Kementerian ini untuk mengubahkan bangunan dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, sebagai perancangan jangka panjang keperluan KBSR akan diambil kira oleh Kementerian Pelajaran dalam merancang bangunan-bangunan. Buat masa ini sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSR digalakkan dan diberi garis panduan bagaimana menyusun dan mengatur bilik darjah untuk memenuhi keperluan kerja kumpulan dan aktiviti-aktiviti kerja KBSR yang lain supaya ia tidak menjejaskan program Kurikulum Baru Sekolah Rendah.

Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong umpamanya yang menyentuh tentang soal sistem sebutan "Pin Yim" dan sistem tulisan mudah bagi Bahasa Cina, Kementerian Pelajaran sememangnya telah merancang kursus mengenai sistem "Pin Yim" untuk guru yang mengajar dan di sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSR.

Berkenaan sistem tulisan mudah Bahasa Cina, Kementerian Pelajaran berpendapat kursus orientasi khas secara intensif tidaklah diperlukan kerana perbezaan di antara tulisan tradisional dengan tulisan mudah tidaklah begitu besar dan tidak meliputi semua perkataan. Walau bagaimanapun, jika didapati perlu Kementerian akan menjalankan kursus orientasi yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai masalah pelajaran teknik dan vokasional. Pada ketika ini kita mempunyai dua buah politeknik dan 32 buah sekolah menengah vokasional. Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa ini adalah tidak mencukupi, oleh itu rancangan sedang diadakan untuk menubuhkan

sebanyak 5 buah lagi politeknik dan 47 buah lagi sekolah menengah vokasional.

Berhubung dengan peranan pihak swasta dalam bidang latihan pekerja mahir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Petaling, adalah dimaklumkan bahawa peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa sekarang menggalakkan pihak swasta untuk menubuhkan institusi-institusi latihan bagi mengeluarkan pekerja-pekerja mahir, misalnya Institut Teknologi Persekutuan dan Institusi Pekerja-pekerja. Beberapa Ahli Yang Berhormat juga menyebut mengenai masalah yang ada kaitan dengan pelajaran tinggi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa memang benar potongan telah dibuat kepada pemberian institusi-institusi pengajian tinggi termasuklah universiti-universiti kita tetapi ini adalah langkah untuk menjimatkan perbelanjaan dalam keadaan ekonomi seperti yang sedang dihadapi sekarang. Sungguhpun begitu pentadbiran di tiap-tiap universiti telah pun diarahkan untuk mengawasi bahawa program-program yang terpenting tidak terjejas. Bagi setakat ini keadaan perjalanan di tiap-tiap universiti didapati masih berjalan dengan baik. Kedudukan potongan pemberian ini adalah sementara sahaja dan apabila keadaan ekonomi bertambah baik, kedudukan di tiap-tiap universiti akan dikaji semula. Walau bagaimanapun perkara kemasukan pelajar akan cuba tidak dijejaskan seberapa yang boleh dan lain-lain keperluan ditampung setakat yang terdaya.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh perkara Rancangan Makanan Tambahan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat antaranya Yang Berhormat dari Tanjong yang menyatakan sama ada kemungkinan prestasi murid-murid akan terjejas sekiranya ada

potongan yang dibuat. Tujuan asal Rancangan Makanan Tambahan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran di sekolah-sekolah rendah adalah untuk memberi makanan berzat kepada murid-murid yang memerlukannya oleh sebab masalah salah pemakanan. Ini tidak bermakna Kementerian saya mengambilalih tanggungjawab makanan dan pemakanan kanak-kanak yang terlibat dari ibu-bapa mereka. Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperolehi faedah yang maksima dari usaha pelajaran termasuk Rancangan Makanan Tambahan. Satu kajian sedang dijalankan bagi memperbaiki lagi kriteria dan cara memilih murid-murid sekolah rendah supaya faedah rancangan diperbaiki.

Dengan tertubuhnya Pejabat Pelajaran Daerah, usaha-usaha pengelolaan dan penyediaan yang lebih berkesan akan dapat diperbaiki. Adalah diharap pengurangan peruntukan ini tidak akan menjejaskan faedah yang boleh didapati.

Tuan Pengerusi, ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai masalah Pejabat Pelajaran Daerah dan pegawai-pegawai yang ada di Jabatan ini termasuk Yang Berhormat dari Ulu Muda yang telah bercerita panjang lebar mengenai masalah di kawasannya yang saya telah dikatakan oleh Tuan Pengerusi semalam menganggu bersetuju pergi mengkaji. Mengenai penubuhan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah ini, saya ingin menyatakan bahawa di negeri-negeri tertentu suka saya jelaskan bahawa penubuhannya adalah berdasarkan kepada daerah-daerah pelajaran yang mana adalah tidak sama dengan daerah pentadbiran biasa. Ianya adalah diwujudkan bergantung kepada bilangan sekolah, guru dan ramainya murid di dalam satu-satu daerah berkenaan dan adalah semata-mata bertujuan untuk

melicinkan urusan pentadbiran pelajaran. Di negeri-negeri di mana tujuan tersebut dapat dicapai oleh Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri itu sendiri maka Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah adalah tidak diwujudkan. Walau bagaimanapun keperluan-keperluan di daerah-daerah yang tidak mempunyai Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah adalah dalam perhatian Kementerian saya dan akan dikaji semula dari semasa ke semasa. Perubahan-perubahan akan dibuat apabila didapati perlu untuk mewujudkan daerah pelajaran yang baru atau mengasingkan mana-mana daerah pelajaran yang kini tercantum seperti daerah pelajaran Padang Terap dan Pengang yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

Mengenai perlantikan guru-guru berijazah sebagai Pegawai Pelajaran Daerah, suka saya terangkan di sini bahawa semua jawatan Pegawai Pelajaran Daerah adalah bertaraf Kategori B1 dan dengan demikian pemegangnya adalah terdiri dari guru-guru yang berijazah. Mengenai bekas Pengelola-pengelola Daerah, Kategori C2 Tingkatan Tertinggi yang sedia ada, sukacita saya maklumkan bahawa bilangan yang terlibat adalah tidak begitu ramai dan Kementerian saya bercadang mengekalkan mereka terus di daerah-daerah tadi dengan mengisi jawatan-jawatan secara khas untuk penyandang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kedudukan Dewan Bahasa dan Pustaka yang antaranya telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka adalah dibenarkan untuk menggunakan pendapatannya untuk menampung perbelanjaannya dalam tahun 1983 supaya aktiviti-aktiviti pentingnya tidak terjejas.

Berhubung dengan ini saya ingin menyatakan bahawa Dewan Bahasa

telah berjaya mengeluarkan jumlah buku bacaan dan buku-buku rujukan dalam Bahasa Malaysia yang cukup untuk memenuhi keperluan-keperluan asas di berbagai peringkat seperti peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah 100% cukup; di peringkat Tingkatan VI 100% cukup; buku pengajian tinggi yang berjumlah 230 tajuk dalam semua bidang, buku-buku bacaan dan rujukan dalam bidang bahasa, sastera, bacaan umum dewasa dan kanak-kanak dan sebagainya.

Pada masa sekarang Dewan Bahasa dan Pustaka sedang menulis dan menterjemahkan 200 buah buku untuk kegunaan pengajian tinggi dalam semua bidang. Buku-buku ini akan diterbitkan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh 3 tahun ini. Mengenai kamus yang dinyatakan, Dewan Bahasa telah menerbitkan sebenarnya 3 buah kamus umum iaitu Kamus Eka Bahasa iaitu kamus Melayu-melayu yang lengkap; Kamus Pelajar Melayu-melayu dan Kamus Dwi Bahasa Inggeris-Melayu yang lengkap setebal 1,457 muka suka saya sebutkan juga. Pada masa sekarang Dewan Bahasa sedang menyusun sebuah lagi kamus Inggeris-Melayu yang lebih besar yang dijangka akan siap dalam tahun 1984. Mengenai kamus-kamus Dwi bahasa yang lain, pihak Dewan Bahasa sedang memperkira di dalam rancangannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit atau lebih panjang sedikit mengenai perkara pembangunan, khususnya masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Hilir Perak, Tenggara, Hilir Padas dan lain-lain yang menyebut mengenai kemampuan Kementerian menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran dan juga menyediakan pembinaan kemudahan bangunan sekolah dan juga pandangan-pandangan yang menyentuh mengenai

perkara-perkara yang melewati pembangunan bangunan-bangunan sekolah di seluruh tanah air.

Suka saya menjelaskan bahawa kekurangan kemudahan-kemudahan pelajaran pada masa yang sudah adalah di antara lain disebabkan oleh kelewatan pembinaan. Walau bagaimanapun, sekarang ini Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah seperti berikut untuk mempercepatkannya.

Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan kelulusan projek brief kepada agensi pelaksanaan JKR lebih awal lagi iaitu umpamanya bagi akhir tahun 1980 bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat yang bermula pada tahun 1981. Dengan pengeluaran yang awal ini JKR dapat membuat perancangan yang awal juga.

Kementerian Pelajaran telah juga menggunakan khidmat perunding swasta untuk meringankan beban JKR. Perunding-perunding swasta digunakan untuk projek-projek berkumpul (packaged) untuk mempercepatkan pelaksanaan. Perunding swasta juga digunakan untuk melaksanakan projek-projek pasang siap (prefab) bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah di Johor dan Kedah sebagai permulaan. Kontraktor-kontraktor yang terpilih akan memulakan kerjanya tidak lama lagi iaitu sebelum akhir tahun. Dengan itu, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh tidak lagi gelisah dengan projek ini oleh kerana inilah kali pertama perunding-perunding swasta melaksanakan projek seperti ini untuk Kementerian Pelajaran. Maka kita harus melaksanakan peluang secukupnya supaya kerja-kerja yang dihasilkan akan memuaskan semua pihak.

Kementerian bersama pihak JKR cawangan kerja pelajaran akan mencuba beberapa teknik baru yang

dikatakan mempercepatkan pelaksanaan. Ini termasuklah teknik pasang siap yang termoden. Satu langkah lagi ialah dengan mengarah Juru Perunding swasta supaya melaksanakan projek secara "fast track" iaitu kerja-kerja tapak dilaksanakan dahulu tanpa menunggu design bagi bangunan siap. Dengan ini masa dapat dijimatkan. Untuk beberapa projek yang mendesak Kementerian Pelajaran telah mendapat kelulusan dari pihak agensi pusat untuk melaksanakan projek-projek secara tender pilihan dan kontrak runding (negotiated contract). Ini dapat memastikan kita menggunakan kontraktor yang berpengalaman yang akan dapat mengelakkan tergendalnya projek-projek. Kementerian Pelajaran bersama JKR juga melaksanakan projek secara "cost plus fee" dengan ini kontraktor-kontraktor yang dipilih akan dapat menjalankan kerjanya dengan kos yang lebih tepat dan oleh kerana keuntungannya terjamin maka diharapkan projek-projek tidak akan tergendala.

Satu langkah lain untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ialah dengan menyerahkan projek-projek sekolah kepada agensi pembangunan Wilayah seperti DARA, KETENGAH, KEJORA supaya mereka sendiri mengendalikannya. Ini adalah satu langkah mengurangkan red tape, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Hilir Perak. Saya menyebutkan perkara-perkara ini dengan panjang lebar oleh kerana memang kita memperakui ada kalanya projek-projek pembinaan sekolah kita memang didapati lewat dan dengan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi adalah diharapkan bahawa kelewatan ini akan dapat diatasi pada tahun-tahun yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas telah membangkitkan mengenai masalah kemudahan rumah-rumah

guru yang ada kaitan juga dengan projek pembangunan dan asrama yang tidak mencukupi khasnya di Sabah dan ketiadaan peruntukan bagi aktiviti asrama untuk tahun ini. Kementerian Pelajaran memang mengambil berat tentang pemberian kemudahan-kemudahan tersebut di Sabah dan Sarawak terutamanya. Walau bagaimanapun, dengan keupayaan yang kita ada kemudahan-kemudahan itu akan dilaksanakan berperingkat-peringkat. Peruntukan bagi tahun 1983 untuk aktiviti asrama sebenarnya telah pun dimasukkan ke dalam program rendah dan menengah untuk memudahkan pentadbiran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, Tanjong dan juga Ipoh mengenai peruntukan untuk Sekolah Rendah Kebangsaan Cina yang dikatakan tidak seimbang dengan peruntukan Sekolah-sekolah Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini bahawa sebagai jawapannya saya suka menegaskan sekali lagi bahawa keutamaan Kerajaan adalah untuk Sekolah-sekolah Kebangsaan. Ini adalah selaras dengan dasar Pelajaran Kebangsaan yang mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah jenis kebangsaan tidak diabaikan sama sekali. Memandangkan pada masa sekarang peruntukan adalah terhad maka semua program-program Kementerian Pelajaran harus disemak semula dari segi keutamaan. Saya sukacita juga menyebut beberapa perkara lain yang ada dibangkitkan, antaranya ialah peruntukan bagi keperluan biasiswa memang terpaksa dikurangkan. Ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia, oleh itu ada kemungkinan biasiswa-biasiswa baru tidak dapat diberi sekiranya kedudukan ekonomi tidak bertambah baik. Tetapi oleh kerana tahun-tahun persekolahan di luar negeri kebanyakannya bermula dalam

bulan September atau Oktober adalah diharapkan peruntukan tambahan dapat diadakan sekiranya kedudukan ekonomi bertambah baik.

Saya ingin juga menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran dari masa ke semasa memang berusaha melaksanakan dasar Kerajaan, tetapi khasnya untuk pihak Pembangkang yang selalu menimbulkan perkara-perkara kecil dan membesar-besarkan perkara-perkara kecil tadi, khasnya dalam Dewan yang mulia ini, saya ingat kepada cerita gajah dengan orang buta. Kementerian Pelajaran mungkin boleh diibaratkan sebagai seekor gajah dan pihak Pembangkang sebagai orang buta. Ada yang memegang kakinya dan berkata kaki itulah gajah dan ada yang pegang ekor dan lalu dikatakan ekor itulah gajah sementara yang memegang belalai itu belalai itulah gajah. Saya hendak katakan di sini sebaik-baiknya dari segi menilai dan melihat sesuatu itu pada keseluruhannya, bukan hanya dari satu sudut sahaja dan terus mengkritik dan menegur.

Saya ingin juga merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai apa yang dikatakan arahan daripada Kementerian kepada sekolah-sekolah yang tidak boleh sekarang ini mengambil lagi iklan-iklan kepada majalah-majalahnya. Saya ingin menjawab di sini bahawa yang sebenarnya tiada arahan yang melarang sekolah-sekolah itu mendapatkan iklan-iklan, khasnya kepada majalah-majalahnya. Apa yang dinasihatkan melalui circular Kementerian tadi ialah supaya sekolah-sekolah tadi mengawasi mereka yang memberikan iklan-iklan tadi tidak ada hubungan yang rapat dan mempunyai sesuatu atau "vested interest" dengan pihak sekolah. Itu sahaja setakat arahan yang diberi dan tiada langsung menyatakan bahawa sekolah-sekolah dihalang untuk mendapatkan iklan-iklan.

Mengenai pelajaran tinggi yang disebutkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya ingin menyatakan di sini khasnya mengenai perkara Akta Universiti. Atas soal ini Kerajaan sebenarnya bukanlah — tidak bercadang memindanya dengan sewenang-wenangnya. Saya hendak menyatakan di sini bahawa Kerajaan perlu meneliti dengan cermatnya untuk mengelak perkembangan-perkembangan yang tidak diinginkan di dalam kampus-kampus. Jadi dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji kedudukan akta itu seperti yang telah dinyatakan selama ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini bahawa memang banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengenai perjalanan Kementerian saya dan segalanya memang ada di dalam catatan kami sekalian, walau bagaimanapun sekiranya ada di antara jawapan-jawapan ini tidak dapat saya sematkan semua sekali dalam masa setengah jam yang diberi, saya mohon maaf dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin membuat perhubungan maka saya sudah tentu jawapan-jawapan ini akan diberikan.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,057,000,000 untuk Maksud B. 27 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,057,000,000 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$869,896,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 27 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$869,896,000 untuk Maksud P. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 28 (Jadual)—

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Kepala Bekalan B. 28 dan Kepala Pembangunan P. 28 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kemaman.

5.43 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Pengerusi, B. 28, muka surat 291, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am di mana pada tahun 1983 peruntukan dikehendaki sebanyak \$15,304,800 dan jumlah jawatan yang dikehendaki sebanyak 1,928 dan jika dibandingkan dengan tahun yang lepas, tahun 1982 sebanyak 1,941 telah pun berkurang seramai 13 orang.

Saya hairan kenapa kekurangan ini boleh berlaku oleh kerana memandangkan pada petang semalam mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita bahawa tugas pegawai-pegawai terutama sekali pegawai kedutaan kita di luar negeri memanglah berat oleh kerana memandangkan keadaan dan perkembangan yang berlaku pada hari ini memanglah memerlukan penerangan-penerangan yang jelas berhubung dengan kedudukan di negara kita. Kenapa pula pada masa yang sama

kita kurangkan jumlah pegawai-pegawai ini. Kemungkinan juga saya dapat baca mungkin pada tahun 1983 kekurangan seramai 13 orang ini oleh kerana mereka ini berpencen. Tetapi oleh kerana dasar jimat cermat Kerajaan, Kementerian beliau tidak bercadang untuk menambah kakitangan yang berpencen atau untuk menggantikan kakitangan yang pencen. Namun demikian, saya berharap pihak Kementerian Luar Negeri menambah jumlah kakitangan lebih ramai lagi terutama sekali kakitangan di kedutaan luar negeri.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita maklum bahawa pegawai-pegawai kedutaan kita yang bertugas di luar negeri sebahagian besarnya telah pun mempunyai isteri ataupun berkahwin jadi kadang-kadang isteri-isteri mereka ini terpaksa mengikut suami mereka dan ada antara isteri-isteri pegawai-pegawai di kedutaan luar yang bekerja dengan Kerajaan di negara kita oleh kerana mereka ini hendak mengikuti suami mereka, mereka terpaksa mengambil cuti tanpa gaji dan juga dari segi kenaikan gaji mereka juga tertahan, seniority mereka hilang; ini merupakan satu kerugian saya kira dialami oleh pihak isteri-isteri pegawai kedutaan kita yang bertugas di luar negeri.

Saya percaya isteri-isteri pegawai-pegawai kedutaan kita di luar negeri juga dapat memainkan peranan mereka sebagai isteri diplomat untuk memperkenalkan, misalnya pakaian kebangsaan negara kita, untuk memperkenalkan masakan negara kita di negara-negara luar dan juga menghadiri reception ataupun jamuan-jamuan rasmi yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkenaan di luar negeri. Dengan cara tidak langsung mereka ini juga menolong suami mereka bertugas sebagai pegawai di kedutaan luar negeri.

Jadi saya berharap supaya pihak Kementerian ini berikhtiar misalnya

membuat urusan dengan pihak JPA supaya mana-mana isteri-isteri diplomat yang mengikuti suami mereka keluar negeri, supaya mereka ini kalau boleh diberikan satu bentuk financial aid ataupun bentuk pemberian kewangan walaupun tidak dapat diberi dengan gaji sepenuhnya ataupun separuhnyanya ataupun sekurang-kurangnya mereka ini tidak tertahan dari segi kenaikan gaji mereka apabila mereka balik bertugas di dalam negeri kelak.

Tuan Pengerusi, mungkin agaknya jika sekiranya perkara ini tidak dapat diberi keistimewaan kepada mereka kadang-kadang ada setengah-setengah isteri pegawai-pegawai yang berkenaan tidak dapat mengikuti suami mereka keluar negeri dan bayangkanlah betapa susahnyanya apabila seorang pegawai itu tidak isteri dalam bracket (di luar negeri).

Tuan Pengerusi, berhubung dengan program ini, saya juga ingin menyentuh sikap setengah-setengah, bukan semua, setengah-setengah pegawai di kedutaan luar kita. Apa yang dapat saya ketahui bahawa ada setengah-setengah pegawai kedutaan kita di luar negeri apabila mereka bertugas di luar negeri mereka ini seolah-olah sudah lupa kepada identiti Malaysia mereka, identiti ketimuran mereka. Apabila mereka berada di luar negeri, mereka cuba hidup dengan cara barat di mana mereka itu berada sungguhpun mungkin ada pepatah berkata: "kalau masuk kadang kambing, membebek; masuk ke kandang kerbau, menguak", tetapi tolong kekalkanlah identiti ataupun unsur-unsur serta nilai-nilai ketimuran yang ada semasa mereka ini berada di luar negeri. Saya berharap supaya pihak Kementerian Luar Negeri sekurang-kurangnya tolong mengadakan satu peraturan ataupun satu garis panduan kepada pegawai-pegawai luar kita yang berada di luar negeri tentang

nilai-nilai dan juga unsur-unsur timur yang harus kita pamirkan di luar negeri.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali, saya ingin sentuh muka surat 298, P. 28, Projek (1) Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di seberang laut di mana pada tahun 1983 peruntukan diperlukan secara langsung sebanyak \$11,430,000. Apa yang dapat saya baca daripada ini, Tuan Pengerusi, ialah mungkin peruntukan ini digunakan untuk membayar sewa-sewa bangunan-bangunan pejabat dan sewa-sewa rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai yang bertugas di luar negeri. Saya kira, Tuan Pengerusi, kalau kita kirakan dari segi jangka panjang mungkin kita akan mengalami satu kerugian jika sekiranya kita meneruskan dengan cara menyewa bangunan-bangunan pejabat dan juga rumah-rumah kediaman.

Saya cadangkan, supaya kalau boleh di bawah projek ini pihak Kementerian ini dapat mencari jalan supaya dapat membeli tapak-tapak tanah di luar negeri bagi kegunaan untuk mendirikan bangunan-bangunan pejabat atau dijadikan sebagai kompleks di mana di atas tanah itu kita dapat mendirikan pejabat dan juga rumah-rumah kediaman bagi pegawai-pegawai Kedutaan kita di luar negeri. Mungkin juga dengan kompleks ini dapat juga kita memuatkan pegawai-pegawai lain misalnya daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga Kementerian-kementerian lain yang ada perwakilan di luar negeri. Mungkin, Tuan Pengerusi, pada masa ini tidak dapat kita jalankan oleh kerana masalah kemelesetan ekonomi tetapi sebagai langkah jangka panjang, saya berharap supaya pihak Kementerian ini dapat memikirkan kemungkinan untuk membeli tanah-tanah di luar negeri dan mengadakan bangunan kita sendiri terutama sekali di Kedutaan-kedutaan yang penting, misalnya

Washington, New York dan sebagainya. Dan mungkin sungguhpun ada di setengah-setengah tempat kita telah pun membeli bangunan sebagai tempat pejabat kita tetapi kita boleh jual bangunan itu dan gunakan duit hasil daripada penjualan bangunan itu untuk beli tanah di tempat-tempat yang berkenaan.

Saya rasa itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.53 *ptg.*

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, it is not very often that the Opposition party speaks in support of the Government, but today let me voice our support for a few aspects of the foreign policy of Malaysia—not to be seen as a weakness of the Opposition but as an objective observation from perhaps a rookie M.P.

Tuan Pengerusi, we live in a very dangerous world, hanging on a precarious balance of power, living in very delicate peace and in so far as we have been independent for only 25 years, being a very young nation, in so far as we are trying to grope around for a sense of national identity of what Malaysians are, I think the Barisan Nasional Government in leading, in initiating, in taking an active part in the formation of ASEAN as a regional alliance, as a diplomatic alliance, as an alliance that holds conviction in economic co-operation rather than military alliance as with the case of the South East Asia Treaty Organisation before, I think in so far as that achievement is concerned, the Barisan Nasional Government is to be commended. Also in so far as the stand on Kampuchea where the ASEAN countries including our Malaysian Delegation led a movement in the United Nations to have recognition for

the United Common Front under the leadership of Prince Norodom Sihanouk of Kampuchea rather than giving recognition to the puppet regime of Vietnam, that is also to be commended and we in the DAP support it. In so far as being a Member of the global community, of a global village, I think there are a few aspects of the Malaysian foreign policy that needs further studies.

For instance, we seem to be wavering in our membership within the Commonwealth; we are not sure or rather from the speeches of the Prime Minister, we are not sure whether we want to continue to be a member or not—there is no clear-cut commitment. Also our foreign policy priority placed on our membership with the Islamic nations has not been able to gather momentum to an extent where it will become a deterrent force for Vietnam to invade Malaysia. Let us look at the dark prospects.

Many people say that in so far as ASEAN is concerned, in so far as the regional peace of South East Asia is concerned, the Kampuchea-Thai border is the last frontier

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebut butir-butir.

Tuan Sim Kwang Yang: Maksud B. 28, Butiran 1100—All Programmes, Tuan Pengerusi. That may be the last frontier. After Thailand, then Malaysia will be in the forefront of the next battle front. Many academicians have made this observation that (“Let us hope that day will never come”) but supposing just academically, theoretically, supposing one day Thailand falls and then Vietnam is on the doorstep of Malaysia, then the problem of Vietnam would be greater because Malaysia will be the first Islamic nation, so to speak, in resisting the attack of the communists in fulfilling the dream of hegemony, of total

domination of the communists. So in so far as that is concerned, I call on the Foreign Minister to perhaps formulate a clear policy as far as our membership with the International Islamic Community is concerned.

Of course, there are many troubled spots in the world. There are troubles, for instance, in Lebanon involving Israel and the PLO. I also support the Government's position on PLO. However, if we do believe, as we should believe in ASEAN as being a peaceful diplomatic and economic alliance rather than a military alliance, which believes in self-determination of nations, which believes in sovereignty of nations, which believes in international non-intervention, then perhaps I would caution against sending arms directly to areas where there is international conflict. I would, in fact, caution the Government for instance, against sending arms directly to the PLO. Perhaps there are other ways of helping them as sort of initiating a special Malaysian diplomatic effort so that our means and our ends will be in harmony.

Apart from that, there are two major problems I feel we have not been very clear-cut on. One is that in the world today, there seems to be a very clear case of international economic classification, if you like, a rich class of rich nations and a poor class of developing nations. Hence perhaps there should be more studies, more seminars and more research done into the North-South Dialogue; for instance, the question of how to bring closer together the rich nations of the northern half of the earth and the southern half of the earth, wherein there may be technology transfer, wherein there may be more attention paid to the question of food, the question of clearer water, in the spirit of the Cancun Conference in Mexico. So perhaps we can pursue that.

There is also perhaps the possibility of international economic colonialism where the economy of Malaysia is not determined by Malaysians themselves but determined by stock markets in the developed nations, where how our farmers' live in the kampungs, in the villages and in the towns is not determined by themselves; the prices of goods they produce, the opportunities that they will get in developing their potentials, in higher education, etc., will not be determined by these producers themselves but will be determined by large financial international centres such as the stock markets. For instance, the interest rates in America actually determines the financial well-being of developing nations. I feel that Malaysia should explore into new channels and perhaps take even a leadership role in righting this wrong. That is a whole big question because it involves world history and it is just a question for further study.

The other question, of course, is the Super Power military equation which is maintained at a very delicate balance in the world, especially in Asia right now. I would say in no uncertain terms that the whole of the DAP and the whole of the people whom we represent, will support the Government in resisting any form of communist aggression into South East Asia and in intervening into the self-determination, the sovereignty of South East Asian nations. In so far as this is concerned, I would say that the number one enemy of the Free World as far as ASEAN is concerned is Russia or the Soviet Union because the Soviet Union is having its puppet "hitman" — Vietnam doing its dirty job in South East Asia now and directly threatening the sovereignty and the territorial integrity of Malaysia right now. I would say that we have to be on our vigil against the Soviet Union's hegemonic plan to take over this part

of the world which is resource-rich and which also holds a strategic position from the military point of view.

We are a developing nation. We believe perhaps in non-alignment, but we are not going to be caught as a victim of the Super Power military struggle. So, because the ASEAN concept is such a success and the Soviet Union knows about it together with other communist nations, I am quite convinced that there must be right now a conspiracy to infiltrate into the Capitals of ASEAN. For instance, not long ago, a certain Political Secretary to the highest office of the land was found to be a KGB agent. I am sure as time goes on, our Home Affairs Minister will keep a very close watch on the situation, and let us hope that we have no more of this happening.

But ultimately I would say that the reason why we can involve ourselves in Kampuchea with credibility, with international respect, why Malaysia can become a sort of new rising star in the international scene, apart from the Barisan Nasional achievement in this respect, is also the image which we project as one who believes in the international historical sense of decency, of moral, ethical uprightness against injustices of all kinds.

In conclusion, I would say that let us make sure that we do not practise double standards. Just as we are able to judge other people, just as we are able to judge the communist way of life where the government has been evil, has been imposing their will on the free choice of the people, will we also be so judged. When we are judged by other people, if we have done nothing wrong, we have got nothing to lose, we have got nothing to fear, we will welcome criticisms.

In this connection, may I bring up this issue of the seven lawyers who came to this country to look for

themselves what the ISA conditions are all about. These lawyers have been branded as foreign lawyers and I felt that there was a misconception and distortion of truth. I would say these lawyers are international, are representatives from an international movement, the very movement which could give Malaysia credibility on the international foreign diplomatic scene, because they believe in a certain kind of international standard of justice, standard of decency. When they come, if we have got nothing to fear, if we have got nothing to be afraid of being exposed, we should welcome them. Why do some people accuse them of lacking in the "strength of character" or of trying to intervene in our own affairs? If we follow that argument, then when we take our stand on Kampuchea, we will also be intervening in the sovereignty and self-determination of Kampuchea.

This is my concluding remark—yes, we support the foreign policy, especially as far as ASEAN and Kampuchea is concerned. But let us also practise it ourselves; let us have no double standards; let us not be paranoid about international criticism. Let us welcome it. If we have done any wrong, we will correct it. If we have not, then our conscience will be clear and history will prove that we are right.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Keningau.

6.05 ptg.

Tuan Ahmad Shah bin Dato Hussein Tambakau (Keningau): Tuan Pengerusi, saya turut serta dalam membahaskan peruntukan Perbekalan Kementerian Luar Negeri 1983 dan sebelum menyokong, ingin saya menyentuhkan satu perkara. Dalam Maksud Bekalan B. 28, Butiran 1100, Program (1) (b) dan (2) (a) yang mana mendapat kelebihan peruntukan untuk tahun ini.

Saya ucapkan syabas kepada pihak Kementerian dapat memberi peruntukan yang lebih untuk tahun 1983.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah yang mana sampai hari ini belum pun dapat diselesaikan. Sejak pada awalnya dahulu timbulnya tuntutan ini sampailah sekarang masih lagi belum ada ketetapan. Kita telah mendengar daripada suratkhobar-suratkhobar, membaca daripada majalah-majalah bahawa Filipina tidak akan lagi menimbulkan soal tuntutan negeri Sabah tetapi tidak ada pula ketetapan secara rasmi dalam bentuk black and white, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru di sini kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil satu langkah yang tegas dan berani dan menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin. Rakyat Malaysia di negeri Sabah tertanya-tanya daripada awal apakah kedudukan kesudahan masalah seperti ini, iaitu tuntutan Filipina ke atas Sabah dan kita tidak dapat memberi satu jawapan yang tepat, cuma kita katakan: terpaksa kita tunggu, sedang diuruskan. Mereka juga dengar bahawa masalah ataupun tuntutan ini tidak lagi Filipina akan menuntut, dengar dalam suratkhobar-suratkhobar sahaja secara "verbal" dan tidak ada ketetapan. Maka di sini saya minta sekali lagi menyeru kepada Menteri Luar Negeri supaya mengambil satu tindakan yang berani menyelesaikan masalah ini dengan seberapa segera.

Tuan Pengerusi, tadi Ahli dari DAP telah pun memuji satu daripada dasar-dasar luar negeri kita. Syukurilah, saya berharap agar DAP ataupun parti DAP dapat lagi memahami dasar-dasar luar negeri kita supaya mereka sedar kebaikan dan kesan-kesan yang baik dan seterusnya boleh lagi memahami dan memuji seterusnya

dasar-dasar Kerajaan. Ini menunjukkan satu langkah ke arah kerjasama memahami dasar-dasar luar negeri.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 1300, Program (2) juga kita mendapat peruntukan agak lebih sedikit pada tahun ini dan saya harap peruntukan yang lebih ini boleh membantu Kementerian tersebut untuk menyelesaikan masalah-masalah kita di luar negeri.

Akhir kata, saya menyokong, tetapi sebelum saya duduk, sekali lagi saya menegaskan meminta supaya tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah dapat diselesaikan dengan segera.

Akhir kata, saya mohon menyokong peruntukan Perbekalan Kementerian Luar Negeri, 1983.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Padang.

6.07 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Luar Negeri, Pembangunan dan Belanja Mengurus sebanyak \$89,433,000.

Tuan Pengerusi, Butiran 1100, Program (2), muka surat 251, Politik dan Penerangan.

Tuan Pengerusi, penerangan, saya rasa kalau dua tahun dahulu melihatkan ini adalah kewajipan Jabatan Penerangan kita di luar negeri. Terdapat di muzium di Washington, terlihatlah saya gambar berkenaan dengan Malaysia ini seekor ular, pokok dan pondok ada seorang Asli sedang menyumpit. Itulah identiti Malaysia. Sama ada sudah berubah atau tidak, wallahu'alam bisawab.

Tuan Pengerusi, ternampaklah gambar berkenaan dengan lombong bijih timah di sebuah lombong contoh di Bolivia di mana diterangkan dengan

penerangan, dengan jauhnya ke dalam dan sebagainya, tetapi dukacita Malaysia tidak ada langsung. Jadi, inilah tugas Jabatan Penerangan kita menyaksikan kalau dapat diubah dengan keadaan lombong kita sudah berkapal korek, bukan lagi dengan menggunakan gravel pump ataupun lombong palung yang ada di Malaysia yang terkemuka di dunia pada suatu masa dahulu. Jadi eloklah saya katakan, kalau dapat diubah gambar itu dan Kementerian ini mengeluarkan perbelanjaan untuk mengubah gambar dalam frem itu dikeluarkan dan dimasukkan frem yang lain. Oleh sebab itu, kita tak hairanlah orang tak kenal negara kita Malaysia ini di mana, adakah orang Malaysia yang bercawat itu yang memegang sumpitan ataupun Bolivia yang mengeluarkan bijih timah yang begitu banyak dalam dunia. Kerana muzium itu dilawati oleh seluruh manusia di dunia ini yang ada kesempatan pergi ke sana.

Begitu juga Bahagian Politik, pegawai-pegawai kita di luar negeri, mereka apabila sampai ke negeri lain sebagaimana kata sahabat saya dari Kemaman tadi, mereka memuji keadaan di luar negeri—apalah Malaysia kita, penuntut-penuntut perempuan di bawah pokok sana bertudung sahaja, sebelah sana lelaki serba hijau. Mereka tak puji perkara itu. Tengoklah di sini lelaki perempuan berkepit-kepit. Jadi sudah bagus negaranya sendiri dikondem pula. Inilah selalu berlaku. Ini sebagai contoh—banyak lagi. Kita tak boleh hendak bandingkan kerana Amerika sudah 200 tahun merdeka, kita baru 25 tahun. Jadi inilah gossip-gossip yang macam ini kalau kita dengar tak larat, tak sanggup, kerana kita sanggup melihat pegawai-pegawai kita keluar negeri menerangkan kedudukan Malaysia atau memperkenalkan negara ini. Kalau tak ada, diusahakan—beli mancis api, taruh crest Malaysia, taruh gambar sebelahnya, hadiahkan kepada orang

luar—macam itu. Ini kalau orang itu duduk di barat sudah style Barat sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kemaman tadi. Kalau dia di Amerika, dia macam American, kalau dia di Perancis dia macam orang Perancis lagaknya. Memanglah orang Malaysia ini fasal berlagak first class, tetapi janganlah pegawai-pegawai kedutaan kita dibiarkan. Mereka hendaklah dilatih sebelum pergi, jangan berlagak-lagak Malaysia, kalau dapat pegawai-pegawai kita sama ada orang India, Cina atau bukan Melayu, suruh pakai songkok menunjukkan identiti Malaysia ini, tetapi janganlah pakai songkok minum pula di tengah jalan, malu pula maruah kita.

Saya tertarik hati juga dengan ucapan sahabat saya dari Kemaman tadi berkenaan pegawai dan isteri-isterinya di kedutaan kita di luar negeri. Sudahlah jauh daripada sanak saudara tetapi terhad pula bekalan bacaan, tak boleh menghantar segala majalah, cuma suratkhbar dua minggu baru dapat, tarikh akhbar itu dua minggu kebelakangan, baru boleh jumpa akhbar itu, demikian juga majalah-majalah. Mereka oleh sebab jauh daripada perantauan, kalau dapat majalah itu diberikan semua jenis majalah yang ada dijual di negara kita termasuk juga risalah-risalah dari Jabatan Perdana Menteri untuk mengingatkan mereka itu berdakwah sedikit daripada negeri kita, dapat tahu bagaimana menghadapi puasa, bulan Rejab, bulan Syaaban dan sebagainya. Jadi dapat dibaca risalah daripada Jabatan Perdana Menteri, tidaklah semata-mata untuk orang Malaysia, itu pun tak menyeluruh. Pendek kata pamphlet atau risalah-risalah daripada Jabatan Perdana Menteri, orang Malaysia pun tak cukup dapat, sedikit sangat dibuat. Saya bukanlah menafikan jasa Jabatan Perdana Menteri, buatlah lebih risalah, hantar keluar negeri, bukan

sahaja untuk pegawai-pegawai dan isteri mereka tetapi kepada orang-orang Melayu dan juga orang-orang Islam yang berada di luar negeri supaya dihantar kepada mereka sama ada ia berada di Amerika, di London, di Perancis, di Bonn dan sebagainya.

Satu perkara lagi berkenaan dengan hiasan pejabat. Kadang-kadang hiasan pejabat kita ini tak tentu, sama ada dari Bali atau dari mana, itulah sebabnya orang tak kenal Malaysia; pejabat kita ditaruh gambar pemandangan Bali, selepas itu gambar berantai-rantai dengan segala tempurung. Jadi inikan kraftangan Malaysia? Sebenarnya bukan itu kraftangan kita. Adalah satu di hujung sana diletakkan Wau Kelantan. Jadi ini patutlah dikaji semula, diperbaiki, ditentukan kedudukan kraftangan ataupun kebudayaan Malaysia yang sebenarnya.

Lagi satu macam di United Nations ada orang Jepun hadiahkan loceng Jepun di bucu bangunan itu, jadi orang semua tengok Jepun bagi hadiah, betul-betul bentuk Jepun. Kemudian Afrika, negara-negara kecil pun bagi hadiah, dia punya patung yang hitam dan sebagainya. Jadi negara-negara yang kecil di Afrika juga menyumbangkan tetapi negara Malaysia tak ada yang menyampaikan satu gambar pemandangan. Jadi saya cadangkan, belikan kain batik, buat satu langsir dan tulis perkataan besar: 'MALAYSIA, MALAYSIA, MALAYSIA, MALAYSIA—BATIK, BATIK, BATIK.' (*Ketawa*) Tidaklah tulis batik—tulis Malaysia.

Tuan Pengerusi, tadi sahabat saya dari parti Pembangkang mengatakan perlu membawa loyar mereka yang champion ke negara kita untuk menyaksikan bagaimana nasib orang-orang tahanan ISA. Sebenarnya mereka tak tahukah kenyataan, cuba suruh loyar itu pergi ke Lebanon. Mengapa tarik loyar ke mari? Sudah elok Kerajaan kita melayani segala

tahanan di bawah ISA untuk keselamatan negara. Nampaknya seolah-olah parti Pembangkang (DAP) tak berapa suka keamanan di negara ini. Itulah sebab disuil-suil, dibising-bisingkan, hendak kondem pihak pemerintah kita pada hari ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan Kementerian Luar Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.18 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berkenaan dengan Maksud B. 28 dan P. 28 di bawah Kementerian Luar Negeri yang mana jumlah peruntukan sebanyak \$89,433,000.

Pada pandangan saya peruntukan ini sangat sedikit kerana peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri dan Setiausaha Parlimen Kementerian ini begitu berkesan sekali untuk memperkenalkan negara kita. Maklumlah negara ini baru 25 tahun sahaja merdeka maka peranan mereka memperkenalkan negara kita di luar negeri dan saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan Setiausaha Parlimen kerana menjaga Kementerian ini sehingga negara kita terkenal di seluruh dunia pada hari ini.

Yang Berhormat Menteri sendiri kita tahu memang cergas boleh dikatakan duduk di Malaysia satu-dua hari sahaja dalam sebulan. Selain daripada itu keluar kerana menjalankan tugas untuk kepentingan negara tetapi tempat yang beliau suka pergi sangat, saya tengok di Thailand (*Ketawa*). Tuan-tuan jangan gelak, Thailand ini adalah satu negara yang penting, perhubungan Malaysia dengan Thailand kerana sepertimana dikatakan oleh wakil DAP dari Bandar Kuching tadi, memanglah kalau

Kampuchea diserang Vietnam, lepas itu Thailand, lepas itu negara kita. Sebab itu Menteri tahu masalah ini penting, sebab itu dia pergi ke Thailand selalu kerana menjalankan tugas supaya komunis jangan masuk ke negara kita ini. Sebab itu boleh dikatakan kita duduk aman damai dan tenteram. Kita biasanya diserang oleh komunis tetapi komunis kita boleh hapuskan. Ini peranan yang dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri.

Selain daripada itu saya berdoa kepada Allah subhanahu wataala supaya kedua-dua Yang Berhormat Menteri dan Setiausaha Parlimen ini boleh menguatkan tenaga lagi supaya negara Malaysia ini boleh terkenal di seluruh dunia, bukan setakat Thailand sahaja (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya sungguh terkejut pada hari ini Wakil DAP dari Bandar Kuching kali pertama mengatakan dia sokong Kerajaan kita, syabas kita ucapkan dan inilah Kementerian yang pertama disokong oleh parti Pembangkang. Mungkin juga wakil dari Bandar Kuching tadi dia nampak tidak ada wakil Kota Melaka, tidak ada wakil Sandakan, tidak ada wakil Sungai Besi, yang adapun dari Kepong. Wakil dari Kepong, Kuala Lumpur Bandar dan Bandar Kuching ini nampaknya sama satu taraf (*Ketawa*) bukan macam wakil Kota Melaka, bukan macam wakil dari Jelutong—ini kita puji.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi kita sokong dasar Kerajaan terhadap menubuhkan suatu Kerajaan Campuran Kampuchea, bukan kerana Menteri Luar Negeri sahaja tetapi dengan dasar untuk Kampuchea. Itu penting.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila tumpukan kepada perkara asal.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak berbalik kepada yang asal ini (*Ketawa*). Saya ingin merujuk kepada muka surat 291, Butiran 1100 berkenaan dengan Pentadbiran Am, Politik dan Perancangan, Ekonomi dan Protokol. Jadi, saya ingin merujuk balik kepada apa yang dicakapkan oleh DAP, Ahli dari Bandar Kuching tadi, kerana dia tidak boleh salahkan Kerajaan kita membenarkan 7 orang peguam luar negeri masuk menyasiat masalah ISA dan mereka suruh peguam ini masuk dengan anjuran mereka. Kita tahu apabila mereka ini ada sibuk benar pemimpin-pemimpin mereka ini menjalankan tugas hendak menolong mereka ini. Tetapi Alhamdulillah, saya dapat tahu 7 orang itu ke mari sampai hari ini pun tidak memberi komen apa-apa. Ini membuktikan bahawa mereka puas hati dengan apa yang dijalankan oleh ISA pada hari ini. Ini memang baik sekali dan tidak ada negara di dalam dunia yang menjalankan undang-undang ISA. Kita negara Malaysia sahaja. Syabas saya ucapkan kerana dengan adanya ISA ini negara aman, damai dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada apa yang saya katakan tadi berkenaan Program (1), (2), (3) dan (4).

Saya sungguh sedih kerana banyak penuntut-penuntut kita sama ada mendapat biasiswa Kerajaan ataupun tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri. Sungguh banyak, saya agak kalau banding di Tenggara Asia atau di dalam ASEAN ini negara Malaysia sahaja satu negara yang memberi perhatian yang serius kepada penuntut-penuntut, baik ke Barat ataupun sekarang sudah ubah ke Timur sedikit. Ini memang bagus dan baik dan peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai luar negeri seperti di Amerika Syarikat, di England, di Australia, New Zealand dan lain-lain

lagi adalah sungguh penting. Saya dapati ada juga penyakit-penyakit yang sedang memainkan murid-murid kita di seberang laut, kerana terdapat ramai murid-murid kita pergi ke seberang laut kononnya mereka ini bergiat dengan dakwah, tetapi dakwah itu bukan daripada Malaysia. Dakwah-dakwah yang diikuti dan diturut oleh penuntut-penuntut kita di seberang laut ini adalah dianggap sebagai dakwah songsang yang dibawa oleh negara-negara seperti Pakistan, Iran, India dan Afghanistan di sana. Jadi mereka tidak mengikut seperti-mana yang dikehendaki, yang diamalkan oleh Islam dalam negara kita sehingga ada penuntut-penuntut daripada Malaysia, terutama sekali wanitanya dipujuk, dirayu supaya berhenti sekolah, berhenti belajar dan terus kahwin. Ini sungguh menyedihkan kerana Kerajaan kita telah belanja berjuta-juta ringgit menghantar mereka ke sana.

Di England terutama sekali banyak penyakit ini menimpa penuntut kita. Mengapa dan sebab apa pegawai-pegawai kita di sana tidak mengambil berat masalah ini? Sebagai contohnya dalam lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran baru-baru ini pergi ke England, saya dapat tahu ada penuntut-penuntut kita, terutama sekali mereka yang bergiat di dalam dakwah membuat tunjuk perasaan membangkang lawatan Timbalan Menteri Pelajaran, wal hasilnya mereka itu semua pergi ke sana dengan biasiswa pelajaran, ini sungguh sedih dan sungguh malang sekali.

Tuan Pengerusi, ada seorang rakyat Malaysia iaitu bekas penuntut Universiti Malaya, kita tidak tahu di mana dia pergi. Akhirnya, kita baca di dalam suratkhbar ditangkap di Bombay, dia ada di Bombay, dia turun daripada kapal terbang Aeroflot, kemudian dia tidak mahu naik Aeroflot dan ia ditangkap oleh India.

Dia bernama Hishamuddin Rais seorang yang sungguh dikehendaki oleh negara kita kerana tunjuk perasaan di Johor dahulu.

Saya ingin merayu kepada Kementerian Luar Negeri hari ini di mana dia berada? Orang semacam ini kalau dia dibiarkan berada di luar negeri mungkin dialah manusia yang menghasilkan penuntut-penuntut kita di seberang laut. Kalau boleh kita berhubung dengan Kerajaan India ambil dia balik, kita letakkan di bawah ISA atau penjara Pudu tetapi hendaklah dibicarakan dahulu. Ini penting dan mustahak kerana selagi ada orang yang macam ini, yang tidak setuju dengan Kerajaan kita dibiarkan melawat di luar negeri, ini sungguh membahayakan kepada negara kita.

Saya setuju dengan pendapat kawan-kawan saya daripada Kemaman dan Batang Padang bahawa penerangan-penerangan masih berkurangan di luar negeri, kerana saya pergi di England sebagai contohnya, saya biasa pergi juga ke Kedutaan kita itu, saya tengok macam rumah kampung, rumahnya kecil sahaja. Tetapi sebaliknya, kalau kita tengok negara-negara lain yang ada hubungan dengan kita seperti Russia, China, Amerika Syarikat, Indonesia dan Singapura, kalau kita pergi ke Jalar Pekeliling kita tengok bangunan mereka ini sungguh cantik dan indah. Mengapa dan sebab apa Pejabat-pejabat Malaysia di luar negeri itu tidak begitu indah sepertimana yang dibuat oleh orang lain pada hari ini, kerana dari situ sahaja rakyat negara itu boleh tahu kedudukan negara kita? Kalau bangunan-bangunan yang kita sewa itu kecil sudah tentu dia kata negara Malaysia memang selekeh, sewa yang murah-murah.

Saya merayu sebab itu saya meminta kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan kalau boleh tahun depan berikan peruntukan dua kali ganda (double) beri Menteri kita yang begitu cergas yang duduk di

Kementerian Luar Negeri ini (*Ketawa*) supaya tengok bangunan-bangunan kita di luar negeri mesti elok dan kemas.

Selain daripada itu, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana peranan beliau ambil berkenaan dengan ASEAN dan masalah Kampuchea. Saya tengok di Bangsa-bangsa Bersatu nampaknya negara-negara lain pun sudah faham, sebab itulah negara-negara lain sokong, dari setahun ke setahun di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu undi telah bertambah dan mungkin dalam satu tahun dua lagi boleh dikatakan 100% orang setuju dengan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, beliau berjalan sahaja, ini memang sesuai. Ini adalah sungguh berkesan dan saya agak negara lain pun akan tiru contoh sebagaimana yang dijalankan oleh kita kerana menyelesaikan masalah Kampuchea. Ini adalah satu masalah yang begitu berat sekali. Pada fikiran saya tidak boleh selesai, tetapi alhamdulillah dengan jasa dan ikhtiar yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ini, nampaknya negara lain pun sudah sokong dan sudah setuju.

Saya ucapkan syabas kerana baru-baru ini negara Malaysia kita ini telah mewujudkan satu Kedutaan di Fiji. Setelah ada Kedutaan di Fiji, alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melawat dua kali dan kita ada Wakil Tetap di sana, Duta kita ada di sana dan pilihan itu memanglah sesuai kerana saya tahu Encik Karim itu adalah sungguh bijak dan berkebolehan orangnya, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh buat lawatan. Kita pun berasa tercengang sedikit macam mana beliau boleh melawat sesuatu negeri ini dua kali dan apabila balik saya tengok beliau senyum, seronok sambutan yang diberi oleh Fiji kepada negara kita begitu baik—sebab itu beliau senyum. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 298, Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut. Nampaknya Anggaran Belanjawan tahun 1981 sebanyak \$31.29 million tetapi malangnya tahun 1983 ini sebanyak \$11.43 million sahaja—kurang, ini mungkin kerana recession kita ini begitu teruk tetapi saya inginlah merujuk kepada Menteri Kewangan kalau boleh di atas permintaan saya tadi supaya mengadakan pejabat-pejabat yang elok, sesuai dengan negara Malaysia sepertimana yang kita tengok di Jalan Pekeliling, Bangunan Embassy Amerika sedang naik, Singapura pun sudah naik, semua cantik-cantik belaka. Jadi kalau boleh kita buat pejabat-pejabat kita ini begitu indah yang bercorak Malaysia tetapi biarlah sempurna keadaannya, janganlah kita sewa semata-mata. Peruntukan ini sungguh kecil pada pandangan saya kerana di Holland saya pergi tengok pejabat yang sama ada hak kita ataupun kita sewa, di India tak begitu elok dan di Holland pun tak begitu elok, tak sesuai, apatah lagi sikap barangkali tak sapu barang-barang yang ada tunjuk sedikit sebanyak itu pun ada habuk, ini adalah penting dan mustahak dan mungkin pegawai-pegawai itu maklumlah kalau duduk di negara luar itu macam kata sahabat saya dari Kemaman tadi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada panjang lagi?

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Pendek (*Ketawa*). Jadi sikap pegawai-pegawai itu. Saya inginlah berpesan kepada Yang Berhormat Menteri biarlah keluar banyak sedikit, tengok sikap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kemaman itu memang betul, pegawai-pegawai kita, duta-duta kita, kakitangannya yang duduk di luar negeri tak begitu sikap Malaysia. Pergi ke sana duduk di Amerika, dia kata dia American. Dia pergi England, dia kata di macam

British. Dia pergi ke India dia tak kata dia India (*Ketawa*), dia berperangai macam orang putih juga (*Ketawa*). Jadi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasihlah kerana beri saya bercakap ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang.

6.34 ptg.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berhubung dengan Maksud Bekalan 28, Kementerian Luar Negeri, Butiran (Kod) 1100, Tajuk Emolumen, Program (2)—P. 28, muka surat 291, (a) dan (b) Politik dan Penerangan yang mana peruntukan Politiknya bagi tahun 1983 berjumlah \$8,696,600 dan Penerangan Luar Negeri berjumlah \$1,417,100 sahaja.

Tuan Pengerusi, saya menyokonglah apa pendapat Wakil dari Kemaman dan juga Wakil dari Ulu Muda tadi yang mana Kementerian kita di luar negeri ini sebagaimana yang kita tahu banyak di antara pegawai-pegawai kita itu kita kadang-kadang berasa sedih juga dan kadang-kadang rasa hendak tegur juga dalam masalah-masalah yang tertentu. Jadi di sini biarlah sebab Bapa Menteri Kementerian Luar Negeri kita pun ada di sini yang mana sebagai seorang backbencher ini kadang-kadang ada juga suara-suara daripada backbencher ini kata orang macam suara Pembangkang tetapi tujuan backbencher ini menegur, membina, bukan seperti wakil-wakil Pembangkang DAP, mereka selalu menegur itu tidak memberi satu contoh, cuma bantai sahaja, tambah-tambah macam Wakil dari Kepong, dia senyum sahaja bila tengok saya, ini selalu kenyataan, dan

Wakil dari Bandar Kuching pun selalu juga. Menegur itu apabila kita menegur biarlah kita tegur cara membina, bukan cara menegur hendak melingkup. Ini teguran saya daripada Matang, orang yang cukup matang mereka kata, tetapi sebenarnya tidak matang, cuma untuk bercakap dalam beberapa masalah untuk kebaikan Kementerian Luar Negeri dan juga Kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar Negeri yang mana apakah tugas-tugas dan peranan-peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai kita di luar negeri itu untuk memperkenalkan identiti negara Malaysia kita dewasa ini sehinggakan ada peguam-peguam asing terpaksa datang ke mari untuk mengetahui mengenai undang-undang negara ini, termasuk undang-undang Internal Security Act (ISA). Tindakan ini membuktikan bahawa pegawai-pegawai Kedutaan kita kurang mengambil langkah-langkah positif, mungkin dalam satu segi peruntukannya begitu kurang. Jadi saya menyokong Wakil dari Ulu Muda tadi supaya Kementerian Luar Negeri ini memohon daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu supaya ditambahkan kepada Kementerian Luar Negeri dalam satu segi supaya dapat kita memperkenalkan, dapat kita memberi penerangan yang lebih jelas kepada negara-negara luar negeri, terutamanya negara-negara Barat seperti di Eropah dan juga di Amerika Syarikat. Jadi pegawai-pegawai ini seharusnya memberi penerangan-penerangan atau mencari jalan-jalan ataupun langkah-langkah positif untuk menjelaskan apakah undang-undang ISA itu, untuk apakah undang-undang itu dan kepada siapa yang ditujukan?

Di sini disebabkan mereka tidak faham maka menimbulkan syak wasangka dan pentafsiran yang salah mengenai undang-undang itu. Oleh itu

saya mengesyorkan supaya salinan-salinan ataupun naskah-naskah undang-undang ISA ini dapat diedarkan kepada pertubuhan-pertubuhan peri kemanusiaan atau sebagainya di negara-negara Barat, di Eropah atau di negara-negara mana sekalipun yang berkaitan dan yang berminat dalam masalah ini. Saya yakin seandainya penerangan-penerangan yang cukup diberi kepada mereka ini sudah tentu syak wasangka terhadap ISA tidak timbul sama sekali. Oleh yang demikian, saya berpendapat supaya duta-duta kita dapat mengcounterkan balik serta-merta apabila juga isu-isu yang ditimbulkan oleh akhbar-akhbar luar negeri, terutama di negeri-negeri Eropah dan Amerika Syarikat. Jika tangkisan ini dibuat secara serta-merta maka sudah tentu mereka di negara-negara Barat khasnya tidak akan mengesyakki kita untuk menyembunyikan sesuatu isu yang ditimbulkan oleh mereka. Di samping itu saya juga ingin mengesyorkan kepada pihak kedutaan kita supaya mempunyai hubungan-hubungan yang erat dengan wartawan-wartawan di luar-luar negeri yang berkenaan supaya mereka dapat mengetahui kedudukan sebenarnya mengenai negara kita.

Tuan Pengerusi, setakat inilah sahaja. Saya menyokong peruntukan Kementerian Luar Negeri yang berjumlah \$89,433,000 ini.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

6.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pandangan-pandangan yang telah pun diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tetapi sebelum saya menjawab satu persatu segala

pandangan baik dan teguran yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen, inginlah saya sedikit sebanyak memberi pandangan atau bayangan soal-soal keseluruhannya ataupun latar belakang mengenai khidmat-khidmat ataupun perkhidmatan yang harus diberi oleh perwakilan-perwakilan kita di luar negeri.

Saya rasa ini boleh kita samakan dengan tugas-tugas ataupun pengertian oleh kebanyakan kita sebagai Ahli-ahli Dewan ini iaitu apakah dia tugas-tugas kita sebagai Wakil Rakyat dan begitu juga apakah pengertian oleh rakyat mengenai tugas-tugas Wakil Rakyat dan apakah yang dikehendaki oleh rakyat daripada kita. Jadi kalau kita membayangkan proses pengertian ini sejak tahun 1955 sehingga sekarang maka bolehlah kita ingat kita membayangkan bahawa pada mula-mulanya pengertian oleh Wakil Rakyat sendiri mengenai tugas-tugasnya dan begitu juga pengertian rakyat kepada tugas-tugas Wakil Rakyat bahawa yang berjaya adalah orang yang selalu rajin pergi makan kenduri, yang rajin selalu melawat ke rumah-rumah orang, yang rajin pergi tengok orang sakit dan rajin pergi tengok orang mati. Maka inilah kononnya Wakil-wakil Rakyat yang berjaya dan ini juga yang diharapkan oleh rakyat kerana kalau rakyat tahu dia itu rajin makan kenduri, sakit pun dia sampai—bagus. Selepas itu bila tidak ada perubahan sedikit, rakyat pun menyatakan Wakil Rakyat yang selalu makan kenduri ini tidak cekap, tidak bagus, tidak baik tetapi kalau Wakil Rakyat itu berjaya untuk membawa masuk projek-projek ke kawasannya; projek jalan, projek taliair dan sebagainya maka itulah Wakil Rakyat yang berjaya, yang baik dan pengertian dalam masa ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Beri jalan Yang Berhormat?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Apa kaitannya dengan Kementerian Luar Negeri daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beri tadi?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya katakan, saya akan sampailah. Ini mukadimmah, sebagaimana saya kata, minta sabar sedikit.

Jadi begitu juga, Tuan Pengerusi, bila sampai peringkat kedua itu pengertian rakyat juga bahawa Wakil Rakyat yang baik adalah Wakil Rakyat yang berjaya untuk membawa projek-projek ke kawasan dan sebagainya. Itulah yang rakyat menghendaki dan itulah juga pengertian kita selaku Wakil Rakyat. Selepas itu sampai pula kepada peringkat sekarang ini di mana rakyat pula mula menyoal dan mula menghendaki Wakil-wakil Rakyatnya untuk memikir bagi mereka, untuk merancang bagi mereka dan untuk memandu keadaan supaya dapat membawa kepada matlamat yang mereka kehendaki dalam 10 tahun ataupun 20 tahun.

Begitu juga saya rasa kalau kita kaji pula proses pengertian mengenai tugas-tugas perwakilan-perwakilan kita di luar negeri, itu pun sudah melalui jalan seperti itu juga. Pada mulanya apabila kita baru merdeka maka kebanyakan perwakilan-perwakilan kita di luar negeri itu dikehendaki membuat kerja-kerja yang agak senang, untuk menyelesaikan dan untuk memyempurnakan rakyat yang mungkin banyak melawat di luar negeri. Misalnya berjumpa mereka di lapangan terbang untuk mengatur kereta bagi mereka, untuk

membayar biasiswa-biasiswa dengan cepat dan sebagainya. Itulah yang dikehendaki oleh rakyat dan itulah juga pengertian kita yang baru merdeka pada masa itu. Selepas itu pergi pula kita ke peringkat kedua di mana rakyat mahu perwakilan-perwakilan kita cekap untuk menyelesaikan krisis. Kalau harga getah jatuh maka kita haruslah pergi ke Amerika untuk memujuk mereka supaya janganlah menjual dari stockpile mereka ataupun kalau kita menghadapi masalah banjir, kemarau dan sebagainya begitu juga kita berkehendakkan perwakilan kita bekerja kuat untuk menyelesaikan masalah-masalah yang terbit dari kesan-kesan itu dan itu juga saya rasa pengertian pegawai-pegawai diplomat kita.

Sekarang sampai pula kita kepada satu fasa baru, satu peringkat yang moden, saya rasa yang sophisticated yang mana selepas lebih 25 tahun kita merdeka, kita sudah pun mempunyai satu Diplomatic Service yang saya rasa moden, matang, sophisticated dan sanggup serta mampu menghadapi cabaran-cabaran yang ada sekarang ini dan cabaran-cabaran masa depan. Kita dikehendaki sekarang ini bukan setakat menyelesaikan masalah tetapi ada foresight untuk menjangka apakah masalah-masalah yang mungkin timbul 5 tahun, 10 tahun atau 15 tahun ke hadapan dan kita juga harus menjangka apakah keadaan yang kita kehendaki dan bagaimana kita dapat memandu keadaan supaya kita dapat capai atau sampai kepada matlamat yang dikehendaki.

Misalnya kalau kita selalu sering tersiksa dibuatnya dengan harga-harga getah, harga bijih dan sebagainya, kita tidak mahu lagi hanya pergi menyembah Amerika Syarikat untuk menyelesaikan masalah—jangan buat itu, jangan buat ini. Tetapi kita perlu berfikir bersama-sama dengan negara-negara pengeluar

yang lain bagaimanakah kita dapat secara satu kelompok menjamin supaya kita tidak akan lagi menghadapi masalah macam ini untuk 15 tahun atau 20 tahun lagi. Kalau misalnya kita tidak mahu lagi masalah keselamatan di rantau ini terjejas maka kita harus pula memikirkan bagaimanakah kita dapat menyelesaikan masalah di Korea misalnya, masalah di Timur Tengah misalnya dan panduan keadaan supaya matlamat itu akan sampai sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Pengerusi, saya rasa inilah latar belakang yang mana kita harus memikirkan. Begitu juga kadangkala saya sendiri kata kepada rakyat: Kalau tuan-tuan hendakkan saya memikir untuk tuan-tuan; kalau tuan-tuan hendakkan saya merancang untuk tuan-tuan; kalau tuan-tuan hendakkan saya bawa projek banyak sangat ke kawasan, tolonglah beri time kepada saya sedikit, tolonglah beri kemampuan kepada saya sedikit. Begitu juga saya rasa kita harus juga termasuk Kementerian Kewangan juga harus pula memikir untuk membanyakkan peruntukan-peruntukan, latihan-latihan dan sebagainya, membanyakkan pegawai dan sebagainya supaya kita dapat menjalankan tugas-tugas kita dengan lebih berkesan di luar negeri.

Jadi dengan latar belakang itu, Tuan Pengerusi, saya inginlah sedikit sebanyak menjawab beberapa teguran dan juga cadangan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama mengenai identiti Kedutaan-kedutaan kita, pejabat-pejabat kita di luar negeri. Sukacita saya menyatakan kita sudah pun menghantar suatu arahan kepada luar negeri supaya apabila orang memasuki Kedutaan kita, the first impression itu haruslah mencerminkan sesuatu yang ini adalah perwakilan satu negara yang mempunyai Kerajaan yang cekap,

bersih dan amanah, semuanya cekap, semuanya lengkap, semuanya licin, receptionistnya berpakaian kebangsaan, decornya bercorak atau beridentitikan Malaysia dan sebagainya. Ini pun sudah diberi arahan dan insya Allah dengan adanya Budget baru ini, dengan adanya peruntukan baru ini pada tahun yang baru insya Allah kita akan membawa sedikit sebanyak perubahan dalam bentuk identiti perwakilan-perwakilan kita sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Keduanya mengenai isteri-isteri pegawai sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, memanglah ini satu perkara yang sedang terasa sangat oleh para diplomat kita sekarang ini sebab ramai daripada mereka itu sudah pun berkahwin atau beristeri dengan orang-orang yang berkelulusan universiti dan sebagainya dan mereka pernah juga mengajar ataupun bekerja di Civil Service, selepas itu terpaksa ambil cuti tanpa gaji mengikut suami menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai pegawai Diplomat kita di luar negeri tetapi balik ke Malaysia hilang seniority dan sebagainya. Insya Allah perkara ini lebih-lebih lagi nampaknya dengan ada sokongan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan cuba memperbaiki keadaan ini.

Ketiga mengenai keperluan kita membina ataupun membeli bangunan-bangunan kita sendiri, janganlah sewa kerana ini akan membazir dan sebagainya. Sukacita saya juga menyatakan bahawa pada masa ini kita sudah pun membeli tanah dan membina Pejabat-pejabat Perwakilan dan juga rumah-rumah Duta kita sendiri di Brussels, Bangkok, New Delhi dan Seoul. Keduanya di tempat-tempat di London, Singapura, Jakarta, Rome dan Hong Kong kita telah membeli bangunan kita sendiri.

Di tempat-tempat lain seperti Manila, Songkhla dan Suva kita sedang pun dalam proses untuk mencari tanah dan juga untuk mendirikan bangunan-bangunan ini. Insya Allah tahun demi tahun kita akan memperbanyakkan lagi harta kita sendiri yang bercorakkan identiti kita sendiri di luar negeri.

Kepada pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching yang menyatakan bahawa beliau agak ragu sedikit bahawa keahlian kita dalam British Commonwealth adalah diraguragukan. Kita tidak tegas tentang apakah pendirian kita sebenarnya tentang keahlian kita, saya rasa pandangan ini kurang begitu tepat oleh sebab apa yang kita selalu heboh-hebohkan sedikit sebanyak adalah mengenai kebimbangan kita bagaimanakah kita harus menjadikan badan yang benar-benar berkesan dan bukan hanya satu badan yang kata orang bertemu setahun sekali untuk bersosial, untuk bertukar pendapat dan sebagainya tetapi satu badan yang lebih berkesan dari itu, satu badan yang benar-benar dapat membawa faedah yang konkrit kepada rakyat.

Syukur Alhamdulillah, oleh sebab desakan kita, pandangan kita yang telah pun disampaikan dengan cara yang begitu tegas maka kita mula nampak berbagai-bagai perubahan dalam Commonwealth yang mananya mula nampak akan berkesan dan kita harap pada tahun-tahun akan datang ianya akan lebih berkesan lagi.

Mengenai pendapat yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching tentang North/South Dialogue, bagaimana pasaran-pasaran kita, di kampung-kampung harga getah, harga bijih timah diputuskan oleh stock exchange di negara-negara lain di New York, London dan sebagainya. Inilah saya kata merupakan salah satu peranan yang

sedang pun dimainkan oleh perwakilan-perwakilan kita sekarang ini dengan penuh tanggungjawab, dengan penuh berkesan iaitu bagaimana kita dapat menolong menyelesaikan masalah ini dengan cara yang lebih konkrit dengan cara jangka panjang dengan berunding dengan negara-negara lain yang mempunyai masalah-masalah persamaan dan sebagainya. Kita mula melihat apakah masalah-masalah yang mungkin dihadapi mengenai bahan-bahan utama kita pada tahun-tahun akan datang dan pada masa depan dan kita mula berfikir bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah-masalah ini, bukan dengan cara short-term tetapi dengan cara jangka panjang.

Berbalik kepada soal Filipina yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau, saya tidaklah boleh bercerita panjang mengenai soal ini memandangkan masa yang begitu terhad tetapi memadailah saya menyatakan bahawa masalah ini tidak timbul bagi kita kerana Sabah adalah sebahagian dari Malaysia yang telah pun diputuskan oleh rakyat Sabah sendiri. Ini sudah pun menjadi kenyataan dan kenyataan ini sudah pun diterima oleh seluruh dunia. Tuntutan Filipina terhad Sabah adalah merupakan satu masalah Filipina. Pada tahun 1977 Presiden Marcos dengan daya tindakannya sendiri telah pun menyatakan kepada dunia amnya di depan Ketua-ketua Negara yang lain, di depan International Press dan sebagainya bahawa Filipina tidak lagi mahu meneruskan tuntutan ke atas Sabah dan beliau juga telah pun menyatakan bahawa Filipina akan mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk menggugurkan tuntutan ini. Kita masing-masing tunggulah perkembangan seterusnya tetapi bagi kita dan bagi dunia Sabah adalah sebahagian dari Malaysia dan ini telah pun diterima dan diputuskan oleh rakyat Sabah sendiri.

Mengenai perkara yang berkaitan dengan penerangan di luar negeri, ini telah pun disentuh oleh hampir kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun memberi pandangan dan sukacita saya menyatakan bahawa kita sedang mengambil berbagai-bagai langkah untuk memperbaiki keadaan dari dua sudut. Satu, dari segi membaharui bentuk yang kita hendak sampaikan penerangan iaitu bentuk akhbar macam mana, kepada siapa hendak dihantar dan sebagainya. Kedua, kita juga telah pun mengkaji dan kita akan membuat sedikit pindaan dari segi penyampaian berita-berita itu. Misalnya dahulu kalau akhbar itu sampai kepada penuntut dalam dua atau tiga bulan kita berharap dengan adanya peraturan baru ini kita dapat singkatkan jangka masa di mana akhbar atau majalah-majalah akan sampai kepada penuntut-penuntut atau rakyat kita di luar negeri. Tetapi dalam hubungan ini saya inginlah menyatakan dan saya juga selalu dahulunya membangkitkan masalah ini tetapi apabila sudah dikaji bukanlah mudah perkara ini untuk diselesaikan sebab dalam negara kita sendiri pun kita tahu bagaimana kita sampaikan penerangan kepada rakyat tetapi ada sahaja orang yang sengaja tidak mahu faham. Contohnya, dalam Dewan ini sendiri, Pembangkang, macam mana kita berbuih mulut memberi penjelasan tetapi mereka sengaja tidak mahu faham. Jadi sudah tentulah dalam constituency yang begitu luas seperti dunia yang luas ada sahaja orang-orang yang sengaja tidak mahu faham oleh sebab-sebab yang lain. Tetapi mengenai tugas kita, kita akan cuba memperbaiki dan insya Allah, pada tahun-tahun akan datang masalah-masalah ini akan dapat dikurangkan sedikit tetapi kalau hendak diselesaikan langsung mustahil. Tetapi insya Allah, dalam keadaan yang ada kita dapat mengurangkan sedikit.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, mengenai apa yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Ulu Muda dan juga Matang iaitu mengenai peguam-peguam asing, perkara ini telah pun saya jelaskan dalam jawapan saya kepada soalan di Parlimen kelmarin. Jadi, saya tiadalah sesuatu yang hendak ditambah dan kalau ada perkara-perkara yang lain yang saya tidak dapat sentuh pada hari ini insya Allah saya akan memberi jawapannya secara bertulis atau dengan secara langsung kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$78,003,000 untuk Maksud B. 28 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$78,003,000 untuk Maksud B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$11,430,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 28 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,430,000 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 22hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.